



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN

Parliament

Eighth

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III

Bil. 21

Hari Khamis

23hb Disember, 1993

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN KESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994 (Ruangan 39)

DSUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan 114)**

DN.23.12.93

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 23hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

"21hb Disember, 1993.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993;
2. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1993;
3. Rang Undang-undang Kewangan (No.2), 1993;

4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1993;
5. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1993;
6. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1993; dan
7. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1993.

Yang Ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**"TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994" - INSENTIF**

1. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan-rancangan atau insentif-insentif bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri yang akan ditawarkan kepada rakyat Malaysia supaya mengenakan insentif-insentif yang ditawarkan kepada orang-orang asing selaras dengan 'Tahun Melawat Malaysia 1994'. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia mempunyai program tertentu dalam usaha untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negeri.

Di antara program pelancongan domestik yang diperkenalkan untuk rakyat Malaysia menikmati keindahan cuti di tanah air sendiri sempena "Tahun Melawat Malaysia 1994" dengan kerjasama pihak swasta ialah pakej percutian istimewa dengan kadar yang berpatutan iaitu "Percutian Malaysia Visit Malaysia Year 1994" yang baru sahaja dilancarkan pada 23hb November yang baru lalu. Pakej ini menawarkan sejumlah 70 pakej lawatan ke destinasi-destinasi ke seluruh negara yang terdiri dari 55 pakej lawatan oleh Penerbangan Malaysia dan 15 pakej lawatan oleh Persatuan Agen-agen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia.

Keistimewaan Percutian Malaysia Visit Malaysia Year 1994 ialah dari dua aspek menarik iaitu pakej ini menawarkan pembelinya untuk berkunjung ke tempat di mana acara-acara Tahun Melawat Malaysia diadakan bagi menyaksikan acara tersebut. Pembeli juga berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik dalam Peraduan Percutian Malaysia VMY '94. Peraduan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dari bulan Januari hingga Jun 1994, dan dari bulan Julai hingga Disember 1994.

Tiap peraduan mempunyai 11 hadiah istimewa di antaranya adalah sebuah kereta Peugeot 405, sebuah Jeep Cherokee, pakej lawatan Penerbangan Malaysia bernilai RM10,000 TV warna, unit hawa dingin, video camera, cek pengembaraan American Express dan lain-lain lagi. Pakej percutian ini dapat dibeli di 19 buah Pejabat Penerbangan Malaysia di dalam negeri dan juga melalui 64 agen pelancongan yang terdiri dari ahli-ahli Malaysia Travel and Tours Association (MATTA).

Berbagai promosi serta kempen telah diaturkan bagi memasarkan pakej-pakej ini kepada rakyat Malaysia. Dengan kerjasama pihak Telekom Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah melancarkan kempen 'Mel Terus' kepada sejumlah 2 juta pelanggan Telekom Malaysia melalui bil-bil telefon mereka.

Kempen pengiklanan dalam media cetak dan elektronik tempatan juga disiarkan mulai November 1993 hingga November 1994. Dari segi media cetak, sebanyak 160 iklan akan disiarkan di suratkhbar dan majalah-majalah tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.2.

LESEN TELEVISYEN - KUTIPAN

2. **Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher** [di bawah **S.O. 23(2)**] minta Menteri Penerangan menyatakan tindakan yang akan diambil setelah Kementeriaannya menyedari bahawa kutipan lesen televisyen tidak memuaskan iaitu 60% dan RM100 juta yang sepatutnya dikutip setiap tahun. Apakah Kerajaan bercadang menswastakan kutipan lesen televisyen.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan Malaysia menyedari bahawa kutipan hasil daripada bayaran lesen televisyen adalah tidak berapa memuaskan. Bagi mengutip lesen televisyen yang lebih efektif dan berkesan, Kementerian telah mengambil langkah untuk mengkomputerisasikan sistem pelesenan televisyen. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti pengiriman notis mengambil lesen sebaik sahaja membeli televisyen baru dan membaharui lesen televisyen apabila tempoh lesen itu tamat, dan tawaran kompaun melalui Pos Malaysia Bhd., dan melaksanakan sistem pemeriksaan lesen televisyen berkomputer serta menambah kakitangan penguatkuasaan.

Adalah diharapkan apabila sistem berkomputer ini dilaksanakan sepenuhnya kelak, Kementerian Penerangan akan dapat mengutip tunggakan hasil bayaran lesen televisyen yang tertunggak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk menswastakan pengutipan lesen televisyen.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh ditimbangkan pengutipan lesen ini dikutip "at source", di waktu seseorang itu membeli televisyen ataupun radio? Apakah tidak boleh kita kutip lima tahun sekali? Sudah tentu ini akan menyelesaikan masalah kutipan yang berlaku pada tiap-tiap tahun setiap kali lesen itu mati?

Tuan Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada sistem seperti itu iaitu pungutan dibuat berdasarkan setahun, tiga tahun dan lima tahun.

MIMOS - CIPTAAN DALAM TEKNOLOGI MIKROELEKTRONIK

3. **Tuan Fu Ah Kiew** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) sumbangan spesifik Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) dalam ciptaan, memindah atau penggunaan teknologi mikroelektronik sejak ianya ditubuhkan;
- (b) penglibatan MIMOS dengan industri tempatan untuk memajukan teknologi mikroelektronik; dan
- (c) sama ada MIMOS akan menukar strategi dari pembangunan "hardware" sekarang kepada pembangunan "software" dan program sokongan yang mungkin lebih berkesan dengan keperluan industri tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak penubuhannya, MIMOS telah mengambil langkah aktif membangunkan tenaga kerja mahir dan pakar dalam kedua-dua bidang tersebut dengan tujuan meningkatkan keupayaan watan iaitu daripada pembangunan dan penyelidikan. Di samping itu, langkah secara berterusan diambil bagi membangunkan infrastruktur asas untuk melaksanakan P&P watan di negara ini. Pembangunan infrastruktur fizikal, rancangan pembangunan teknologi yang bersepadu, sistem pengurusan dan kumpulan pelanggan bagi perkhidmatan P&P di kalangan industri tempatan dan asing telahpun dibina.

Hasil daripada langkah yang diambil, MIMOS telahpun menghasilkan ciptaan berikut:-

- (a) Sistem SCADA (Supervisory Control and Data Acquisition System);
- (b) Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer COMIL (Computer Integrated Learning System) dan Komputer Peribadi Atom;
- (c) DVCS (Dynamic Voltage Contrast System);
- (d) Sistem POMAS (Palm Oil Mill Management and Control System); dan
- (e) Kad ISDN (Integrated Services Digital Network) untuk PC.

Hasil P&P yang dinyatakan di atas adalah sebagai contoh penciptaan yang telah dihasilkan oleh MIMOS. Terdapat banyak lagi ciptaan yang telah dan sedang dibangunkan.

- (b) MIMOS mengamalkan dasar perkongsian (partnership) dalam memajukan mikroelektronik dan teknologi maklumat. Di samping itu beberapa langkah interaksi dengan industri telahpun diambil bagi mewujudkan hubungan dua hala yang berterusan. Antara langkah tersebut termasuklah kerjasama dan persefahaman. dalam P&P, majlis dialog dan perbincangan, siri lawatan ke industri, kerjasama dalam pameran persidangan, seminar, kursus dan latihan.
- (c) MIMOS tidak pernah menekankan pembangunan "hardware" semata-mata sebagai strategi bagi memenuhi keperluan industri. Adalah menjadi amalan MIMOS menggabungkan pembangunan "hardware" dan "software" dalam memajukan mikroelektronik dan teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan industri. Dalam pembangunan dan pasaran produk berasaskan mikroelektronik yang dinamis masa kini, integrasi "hardware" dan "software" yang inovatif amat diperlukan. Sehubungan itu, persoalan untuk menukar strategi dari pembangunan "hardware" kepada pembangunan "software" tidak timbul.

ALAT TVRO - MEMBANTERAS PENGGUNAAN SECARA HARAM

4. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghalalkan parabola TV di seluruh Malaysia:

- (a) jika benar, apakah pihak Menteri tidak merasa bimbang gejala-gejala yang tidak diingini akan berlaku; dan
- (b) tidakkah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dapat membanteraskan orang-orang yang masih menggunakan parabola TV dengan cara haram.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato¹ Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memuculkan bahawa kegunaan alat TVRO oleh orang awam tidak dibenarkan kecuali untuk golongan-golongan tertentu seperti Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan-sultan, Tuan-tuan Yang Terutama, Perwakilan-perwakilan Asing, syarikat pengeluar dan pembuat untuk tujuan eksport dan hotel-hotel tertentu.

Untuk membanteraskan orang-orang yang masih menggunakan alat TVRO, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengguna-pengguna TVRO secara haram selepas arahan diberikan dalam bulan Januari, 199A.

Menurut Seksyen 39, Akta Telekomunikasi 1950, penalti bagi pemasangan alat TVRO yang tidak dibenarkan ialah denda maksimum RM100,000, penjara maksimum selama tiga tahun jika bersabit kesalahan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang telah diberi tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Adakah kegunaan parabola ini akan terus diharamkan oleh pihak Kerajaan atau adakah satu jangka waktu telah dicari yang bersesuaian dan bila sampai jangka waktunya membolehkan Kerajaan membenarkan rakyat di negara ini mempergunakan parabola?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan membenarkan parabola apabila kita menyelesaikan pelancaran satelit kita sendiri. Di dalam satelit itu kita akan menggunakan KU band lima kali, dengan itu kita boleh memancarkan semua rancangan televisyen daripada tanah air kita kepada satelit dan daripada itu boleh diterima oleh semua rakyat jelata, walau di mana mereka berada. Jadi, itulah satu rancangan yang ada dalam Kementerian saya sekarang.

Selain daripada itu, untuk menerima siaran-siaran daripada satelit-satelit yang lain yang tidak sesuai kepada negara kita dan kebudayaan kita, tidak dibenarkan. Itu satu ketetapan yang telah dibuat oleh Kerajaan tiga minggu yang lalu.

JURURAWAT - KEPERLUAN SEBENAR

5. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Kesihatan menyatakan keperluan sebenar jururawa jururawat di Malaysia dan berapa ramaikah jawatan-jawatan jururawat di Malaysia dan berapa ramaikah pula yang diambil secara kontrak dari luar negara.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada projek-projek pembangunan yang dirancangkan sama ada pembinaan hospital-hospital baru, naik taraf dan pembesaran hospital yang sedia ada, keperluan sebenar jururawat adalah seperti berikut:-

Tahun	Bil Keperluan Jawatan	Keperluan Tambahan
1993	17,053	
1994	17,761	708
1995	18,612	851
1996	19,164	552
1997	19,716	552
1998	20,268	552
1999	20,820	552
2000	21.372	552

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, jawatan jururawat terlatih yang diluluskan kepada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1993 ialah sebanyak 12,737 sahaja dan pada tahun 1994 pula sebanyak 12,992. Di sini jelaslah bahawa keperluan tenaga jururawat adalah melebihi jawatan yang ada pada ketika ini. There 'is a shortfall in the figures, dengan izin.

Kementerian Kesihatan Malaysia masih berusaha untuk membetulkan keadaan ini dengan agensi-agensi perubatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-pertua, jururawat-jururawat terlatih yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diambil secara kontrak daripada luar negeri ataupun luar negara pula adalah seramai 126 orang, iaitu 74 daripada India, 24 daripada Myanmar dan 28 daripada Vietnam. Bilangan ini akan ditambah lagi apabila jururawat daripada Bangladesh akan diambil tidak lama lagi.

SYARIKAT AGENSI SAHAM - SYARAT DAN PERATURAN

6. Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sedar atau tidak syarikat atau agensi saham telah melaksanakan syarat-syarat dan peraturan sendiri tanpa mendapat kelulusan dari pihak berkenaan, contohnya pembeli diminta membayar 50% harga saham pada masa membeli. Jikalau **ada**, apakah tindakan diambil oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menetapkan bahawa setiap pembeli dikehendaki menjelaskan pembayaran langganan mereka tidak lewat daripada 7 hari dari tarikh langganan itu dibuat.

Syarikat-syarikat broker saham tidak dikenakan sekatan untuk menetapkan kaedah pembayaran oleh pelanggan-pelanggan mereka selagi pembayaran tidak melebihi tempoh 7 hari itu dipatuhi.

Kementerian Kewangan memang sedar adanya setengah syarikat 'broker saham yang mengenakan syarat bayaran pendahuluan 50% kepada pelabur yang ingin membeli saham-saham. Tindakan seumpama ini harus dilihat sebagai langkah pengawasan syarikat broker saham berkenaan daripada kemungkinan berlakunya pembeli-pembeli yang enggan menjelaskan bayaran pada masa yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang pendahuluan yang diterima oleh syarikat broker saham daripada pelabur perlu disimpan di dalam akaun amanah, sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 44 Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Dengan demikian wang tersebut terpelihara daripadasebarang penyalahgunaan oleh syarikat-syarikat broker saham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarikat-syarikat broker saham merupakan ahli BSKL di mana kegiatannya antara lain adalah terikat kepada Peraturan-peraturan-BSKL iaitu 'Memorandum dan Tataurusan Syarikat', Peraturan-peraturan Berhubung Syarikat Ahli serta Keperluan-keperluan Penyenaiaan BSKL. Dengan demikian, sebarang penyelewengan ataupun kegiatan kurang sihat oleh syarikat-syarikat broker saham dapat dibendung.

BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAS DI SABAH

7. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian tersebut bercadang untuk memperhebatkan pemasangan elektrik luar bandar khasnya di negeri Sabah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 95 % kampung-kampung di luar bandar telah diberi bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad. TNB sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemberian bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar dan adalah dijangkakan pada tahun 1996 bekalan elektrik akan dapat diberikan kepada semua kawasan yang terletak di luar bandar,

Sebagai maklumat tambahan, prosee memberi bekalan ke kawasan luar bandar diusahakan bersama oleh Kerajaan iaitu diwakili oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kerajaan Negeri dan Tenaga Nasional Berhad. Dari segi peruntukan pula, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 50% dan TNB pula akan menyumbangkan 50% lagi. Sehingga kini terdapat sebanyak 11,653 kampung-kampung yang mewakili 757,813 isi rumah telah diperuntukkan dengan bekalan elektrik.

Walau bagaimanapun, mengikut pengalaman yang lalu adalah agak sukar untuk mencapai taraf bekalan 100% kerana kampung-kampung baru bertambah dari setahun ke setahun dengan pembukaan tanah-tanah baru di merata-rata negeri.

Bagi bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah, Lembaga Letrik Sabah (LLS) adalah bertanggungjawab untuk menyediakan bekalan elektrik di kawasan luar bandar demi membangunkan ekonomi negeri. Selaras dengan matlamat ini, LLS sejak tahun 1963 telah melancarkan projek pembekalan elektrik luar bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelima (RM1-RM5), sejumlah RM143 juta telah dibelanjakan untuk membekalkan tenaga elektrik kepada lebih kurang 46,870 buah rumah kampung. Peruntukan

sejumlah ini untuk tempoh tersebut dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (KTTP) dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

Melalui Pancangan Malaysia Keenam (RM6) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah memperuntukkan sejumlah RM210 juta bagi menjayakan serta menggiatkan rancangan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah. Bagi tahun 1991-1993, LLS telah membelanjakan sejumlah RM57.71 juta bagi projek-projek bekalan elektrik luar bandar ke beberapa buah kampung di seluruh negeri Sabah. Lebihan peruntukan yang ada akan dibelanjakan pada tahun 1994-1995.

Dengan ini - adalah diharapkan matlamat LLS untuk mencapai sasaran liputan 952 pembekalan elektrik ke luar bandar di negeri Sabah menjelang tahun -2000 akan tercapai.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan .daripada Menteri adakah pihak Kerajaan Negeri Sabah memberi kerjasama di atas usaha-usaha untuk menyediakan bekalan elektrik bagi rakyat Sabah. Jika ada, apakah bentuk kemudahan yang telah disediakan bagi membolehkan bekalan ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk merancang, membekal atau menjalankan projek-projek dan memberi peruntukan ke negeri Sabah terletak dalam tangan Kerajaan Pusat, tetapi selalunya kita dapat kerjasama daripada negeri itu apabila kita melancarkan. apa-apa projek membekal elektrik kepada penduduk-penduduk di luar bandar

PELAJARAN PEMBANTERASAN RASUAH DI SEKOLAH-SEKOLAH - MENGADAKAN

8. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menjadikan pelajaran tentang punca kesan, perbuatan dan cara-cara pembanterasannya rasuah sebagai suatu subjek yang diajarkan di sekolah-sekolah agar dapat mengasuh menghindarkan perlakuan rasuah sejak di bangku sekolah lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menjadikan pelajaran mengenai rasuah sebagai satu mata pelajaran yang khusus. Walau bagaimanapun, topik tentang amalan rasuah dan kesannya ada disisipkan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Islam. Di samping itu, budaya masyarakat dan peranan ibu bapa adalah amat penting dalam menerapkan nilai-nilai murni untuk kita sama-sama menghindarkan daripada berlakunya budaya rasuah ini,

KOD TATA TERTIB BAGI HAKIM-HAKIM - CADANGAN

9. Datuk K. Vijayanathan minta Menteri Undang-undang menyatakan memandangkan bahawa taraf tinggi profesionalisma yang dipertunjukkan oleh Hakim-hakim semasa kini dan masa dahulu dan memandangkan kepada fakta bahawa mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan kejujuran dan berbudi pekerti mulia, adakah nampaknya perlu untuk membentuk suatu Kod Tata tertib untuk Hakim-hakim seperti yang dicadangkan oleh Ketua Hakim Negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan telah diterima dari pihak Mahkamah untuk membentuk satu Tata Kod Etika (Code of Ethics) untuk Hakim-hakim dan Kerajaan belum lagi membuat keputusan terhadap perkara ini.

RIZAB MINYAK/GAS - JUMLAH

10. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah lagi 'rizab minyak' dan 'rizab gas' di negara ini; dan nyatakan juga usaha-usaha untuk mengenalpasti tempat-tempat baru bagi minyak dan gas di negara ini supaya ianya tidak menjejaskan usaha perindustrian negara ini,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 1hb Januari 1993 rizab minyak mentah Malaysia berjumlah 4.3 ribu juta tong, manakala rizab gas aslinya pula berjumlah 76.7 trilion kaki padu. Berbagai usaha sedang dijalankan oleh PETRONAS untuk mengenal pasti tempat-tempat baru yang mengandungi minyak dan gas asli. Di antara usaha-usaha **sini** adalah menawarkan kawasan-kawasan baru kepada syarikat-syarikat minyak asing. Antara kawasan-kawasan baru yang ditawarkan adalah kawasan laut dalam (deep water) dan kawasan di daratan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini PETRONAS telah menandatangani dua kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) dengan Syarikat Mobil iaitu untuk blok A dan blok B di kawasan laut dalam di luar pantai Sarawak. Di samping itu, kerja-kerja mencari gali minyak masih dijalankan oleh 28 kontraktor-kontraktor ,PSC di seluruh negara. PETRONAS juga pada masa ini sedang menjalankan kajian-Kajian geo-fizik dan geologi di blok-blok yang sebelum ini hanya sedikit atau tidak ada langsung kerja-kerja eksplorasi yang telah dilaksanakan. Kerja-kerja ini termasuk memperolehi garisan seismic yang baru di blok-blok tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti prospek-prospek hidrokarbon baru di blok-blok ini supaya dapat ditentukan sama ada blok-blok ini mempunyai prospek-prospek yang cukup untuk menarik minat dan ditawarkan kepada syarikat-syarikat minyak asing. .

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengurangkan cukai pendapatan petroleum dan duti eksport minyak mentah bagi syarikat yang mencarigali dan mengusahakan petroleum.

Mengikut Belanjawan 1994, cukai pendapatan petroleum telah dikurangkan dari 45% kepada 40% dan duti eksport minyak mentah dikurangkan dari 25% kepada 20%. Insentif ini adalah untuk menggalakkan pembangunan sektor carigali petroleum terutamanya bagi marginal field. Dengan galakan ini lebih banyak marginal field dapat dibangunkan.

Dr Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Jabatan Perdana Menteri membuat anggaran ttntang berapa lama rizab-rizab minyak dan gas bolth tahan di negara kita sebelut kedua-dua rizab ini habis dipupuskan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kalau dikira mengikut permintaan yang diperlukan, masa rizab untuk minyak mentah dijangka akan dapat bertahan lebih kurang 13 tahun dan bagi gas 84 tahun.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah negara-negara pengeluar minyak bersama-sama berperanan dalara carigali minyak terutama bagi negara-negara yang menerokai minyak dan apakah masih ada sekatan-sekatan tertentu dalam pengeluaran sebuah negara dan kalau ada kenapa?

Dato' Wong See Wah: Saya minta kalau boleh soalan itu dapat diulangi - tidak jelas.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan adakah negara-negara pengeluar minyak bersama berperanan dalam carigali minyak terutama bagi negara-negara yang menerokai, minyak, dan apakah masih ada sekatan-sekatan tertentu di segi pengeluaran sesebuah negarajdan kalau ada kenapa?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu telah lari daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Dol bin Dolah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 11.

SUNGAI SEBAGAI SUMBER TARIKAN PELANCONG - CADANGAN

11. Tuan Haji Dol bin Dolah [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kedudukan pencemaran alam, negara sebenarnya. Adakah benar kebanyakan sungai-sungai yang banyak di negara ini telah tidak berfungsi sebagai sungai yang sebenarnya. Adakah Kementerian ini bercadang untuk menjadikan sungai-sungai di Malaysia sebagai tempat sumber-sumber tarikan pelancong dan tempat mencari rezeki kepada rakyat yang berdekatan dengan sungai-sungai tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras bahan pencemaran udara dan air yang diukur

di persekitaran pantai-pantai dan di sungai-sungai, pada umumnya didapati terkawal dan di bawah garis panduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan juga garis panduan yang disyorkan untuk kualiti udara dan air di Malaysia.

Kenyataan bahawa kebanyakan sungai di negara ini telah tidak berfungsi sebagai sungai yang sebenarnya adalah tidak benar. Sebenarnya sungai-sungai di negara ini masih memainkan peranan yang penting, walaupun sebahagian sungai dikategorikan sebagai tercemar, namun bahagian-bahagian tertentu terutama bahagian hulu sungai dan kawasan tadahan masih mempunyai kualiti air yang bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang menjalankan kajian bagi mengelaskan sungai-sungai di Malaysia mengikut kesesuaian penggunaannya, untuk diterimapakai oleh pihak-pihak yang berkenaan. Pengkelasan sungai dilaksanakan berdasarkan kepada lima kegunaan utama termasuk bagi bekalan air minum awam, perikanan, rekreasi dan pertanian. Setelah kajian ini selesai nanti Kementerian ini akan mencadangkan konsep pengkelasan sungai ini diterimapakai oleh pihak berkuasa negeri.

CUKAI PENDAPATAN - SYARIKAT GERGASI/ORANG PERSEORANGAN YANG MENGELAK DARI BAYARAN

12. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramai syarikat-syarikat gergasi dan orang perseorangan yang lari daripada membayar cukai pendapatan setakat ini yang dapat dikesan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat dan orang perseorangan yang telah disiasat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana cuba mengelak dari membayar cukai pendapatan sejak tahun 1989 hingga bulan November 1993 adalah masing-masing sebanyak 649 bagi syarikat dan 1,681 bagi orang-orang perseorangan. Ini menjadikan jumlah individu dan syarikat disiasat sebanyak 2,330. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,840 kes telah pun diselesaikan antara tempoh 1989 hingga bulan November lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah cukai yang berjaya dikutip daripada 1,840 kes yang diselesaikan itu ialah RM959.3 juta.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah hukuman yang dikenakan kepada syarikat dan orang perseorangan yang telah cuba lari daripada membayar cukai?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, antara hukuman yang diperuntukan jika kes-kes itu didapati serius ialah menahan pasport mereka yang berkenaan, dan satu lagi bentuk hukuman ialah mengenakan penalti yang bergantung kepada betapa seriusnya kes. Ada kes-kes di mana penalti yang dikenakan sampai 1002, jika sekiranya seseorang itu didapati dengan sengaja melarikan diri daripada membayar cukai.

Dr Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya

ingin tahu dengan kejatuhan dalam kadar cukai pendapatan, adakah ini membawa kepada kejatuhan juga dalam bilangan syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang cuba melarikan diri daripada membayar cukai pendapatan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam tempoh 4-5 tahun yang lalu, Kerajaan telah menurunkan kadar-kadar cukai perseorangan dan syarikat.

Pada tahun hadapan umpamanya kadar pendapatan syarikat diturunkan kepada 32%. Jadi, itulah trend yang didapati dalam negara kita. Melihat kepada angka-angka yang ada pada Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak ada penurunan kadar cukai **ini**, tidak ada kesan yang banyak ke atas bilangan syarikat ataupun orang perseorangan yang cuba mengelakkan diri daripada membayar cukai. Umpamanya pada tahun 1989 terdapat 140 buah syarikat yang cuba melarikan cukai, walaupun kadar cukai korporat telah diturunkan dengan banyak iaitu lebih 10% dalam tempoh berkenaan, tetapi tahun ini umpamanya bilangan kes 141 berbanding dengan 140 kira-kira 5 tahun yang lalu.

Begitu juga bagi orang perseorangan pada tahun 1989 terdapat 389 orang perseorangan yang cuba melarikan diri daripada membayar cukai. Pada tahun ini kes yang dapat dikesan ialah 339. Angka-angka ini menunjukkan bahawa tidak terdapat pengurangan yang ketara dalam bilangan kes-kes yang cuba melarikan cukai, walaupun kadar cukai syarikat dan juga kadar cukai perseorangan telah dikurangkan dalam tempoh 4-5 tahun yang lalu.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pemeriksaan-pemeriksaan sentiasa dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) terhadap restoran-restoran yang menyediakan hidangan daripada hidupan liar. Jika terdapat sebarang kesalahan, tindakan sewajarnya akan diambil di bawah peruntukan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, (Akta 76). Walau bagaimanapun, terdapat juga lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN kepada restoran-restoran untuk menjalankan perniagaan daging hidupan liar tertentu yang dilindungi sahaja seperti daging babi hutan, ular sawa, biawak air serta daging hidupan liar yang dibenarkan diburu pada musim-musim tertentu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimanakah sambutan rakyat kepada pengwujudan 34 cawangan ini? Apakah mereka menyedari tentang pengwujudan cawangan ini dan apakah juga mereka menggunakan saluran ini?

Dr. Sak Cheog Lum: Tuan Yang di-Pertua, memang dengan mengadakan sejumlah 34 cawangan penguatkuasa di seluruh negara pada masa **ini**, khususnya melalui program-program publisiti dan program-program aktiviti penguatkuasaan dan program-program pendidikan" pengguna, maka telah secara langsung kita dapati bahawa

sarabutan dari pihak awam terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian ini telah meningkat. Sebagai satu contoh, kalau kita memandangkan kepada aduan-aduan yang telah diterima melalui pejabat cawangan dan bilik gerakan iaitu di 34 cawangan di seluruh negara, maka trennya ada menunjukkan bahawa bilangan aduan kian meningkat dalam dua, tiga tahun ini.

JALAN RAYA DI KAWASAN BANDAR RAYA - KOS MEKBAIKI

14. Puan Hajah Habshah binti Hajis Osman minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa lama sekali jalan-jalan raya, terutamanya di dalam bandar raya dibaiki dan berapakah kos pembiayaan yang terlibat.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya yang rosak akan diperbaiki sebaik sahaja ianya dikesan. Pembaikan ini termasuklah penutupan lubang, membaharui muka jalan, mengecat semula garis tengah dan tepi jalan, mengganti tanda dan perabot jalan yang rosak dan sebagainya. Manakala kerja-kerja penyelenggaraan seperti memotong rumput dan membersihkan kawasan perparitan akan dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi jalan raya di kawasan bandar raya, penyelenggaraannya adalah tanggungjawab Majlis berkenaan. Bagi tahun 1993, peruntukan penyelenggaraan di bawah Kementerian Kerja Raya adalah RM186,240,000 dan hampir kesemuanya akan dibelanjakan.

KHUTBAH JUMAAT - PENYELARASAN

15. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah penyelarasan JPM dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dalam menyediakan khutbah Jumaat supaya khutbah dapat dikeluarkan lebih sesuai dalam usaha-usaha membangunkan ummah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman

bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan khutbah-khutbah Jumaat di seluruh negara melibatkan dua pihak yang berlainan, iaitu Pihak Berkuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan. Penyediaan khutbah-khutbah bagi masjid-masjid negeri dalam, negeri adalah dibuat dan diselaraskan oleh Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Islam ataupun Majlis-majlis Agama Islam Negeri. Cara ini adalah sesuai kerana tiap-tiap negeri di dalam Persekutuan merupakan pihak yang berkuasa mengenainya. Walaupun terdapat beberapa persamaan di antara satu sama lain.

Penyediaan khutbah-khutbah di peringkat Persekutuan khasnya bagi Masjid Negara adalah diselaras oleh Bahagian Hal Ehwal Islam jabatan Perdana Menteri. Pada amnya khutbah-khutbah bagi topik atau isu-it tertentu adalah diselaraskan, oleh Panel Penyelaras Khutbah dengan kerjasama Jabatan Agama Islam. Negeri-negeri Setakat ini Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah memberikan kerjasama yang baik dalam usaha-usaha ini. Hasilnya khutbah-khutbah yang diselaraskan itu dapat diedarkan kepada tiap-tiap negeri, dan didengar oleh para jemaah dengan meluas. Kerajaan sememangnya berpendapat supaya khutbah-khutbah di seluruh negara diselaraskan

bagi tujuan meningkatkan lagi penyampaian idea-idea pembangunan, teknologi serta moral kepada rakyat jelata dengan tidak melupakan perbezaan-perbezaan dari satu negeri dengan negeri yang lainnya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi mengenai penyelarasan khutbah-khutbah Jumaat di seluruh negara. Tetapi sedarkah pihak Jabatan Perdana Menteri bahawa di negeri Kelantan hari ini khutbah Jumaat menjadi satu mesej utama kepada satu parti untuk menyampaikan apakah perkara-perkara yang hendak disampaikan mengenai parti mereka di dalam setiap kali khutbah Jumaat dibaca kepada umat Islam. Apakah peranan pihak Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam memandu kepada Kerajaan negeri Kelantan khususnya untuk perkara-perkara seperti ini tidak berlaku lagi di negeri tersebut?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pihak Kerajaan Pusat dan Pusat Islam menerima banyak soalan mengenai khutbah-khutbah Jumaat yang dibaca oleh para Khatib di negeri Kelantan yang lebih cenderung untuk menceritakan soal parti politik yang memerintah negeri itu. Ini merupakan satu persoalan yang merumitkan dan pihak Pusat Islam telah pun mengkaji beberapa khutbah yang telah diterima termasuklah yang controversial satu ketika dahulu dan telah memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri bahawa perkara ini tidak harus dilakukan kerana pendapat para ulamak muktabar menyatakan bahawa khutbah ini adalah sebagai menggantikan dua rakaat waktu zohor. Jadi, ianya tidak harus dimasukkan unsur-unsur lain termasuk permainan unsur politik di dalamnya kerana

ianya haruslah memberi nasihat, membawa kepada ketakwaan, keimanan, perpaduan dan sebagainya. Pusat Islam bagi pihak Kerajaan Persekutuan hanya boleh memberi nasihat dan kita hendak menasihatkan Kerajaan supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak tertib di dalam khutbah dipatuhi- supaya umat Islam dapat menilai isi khutbah yang sebenar-benarnya yang harus dibaca untuk umat Islam.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan terdapat Imam-imam yang mengenyepikan khutbah-khutbah Jumaat yang dihantar oleh Jabatan Agama Islam. Apakah pihak Jabatan Agama Islam Negeri atau pun pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengambil apa-apa tindakan atau pandangan dalam masalah ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini pun memang satu perkara yang benar berlaku. Ada Khatib-khatib- yang berkhotbah, menggunakan khutbahnya sendiri tetapi dia menggunakan lampiran. Pernah kita dapati, dia seolah olah menggunakan facts yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama. Islam, tetapi di dalamnya dia masukkan facts dia sendiri. Ini dia menipu, Tuan Yang di-Pertua. Pusat Islam-bagi pihak. Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan pihak Jabatan Agama Islam . Negeri boleh mengambil tindakan jika sekiranya ada laporan khusus dibuat. Sekali, lagi saya hendak menasihatkan supaya biarlah khutbah itu boleh merangkumi semua orang Islam. Jangan kita hanya memikirkan sebelah pihak sahaja. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang telah pernah berlaku dan perkara ini akan diperbaiki dan yang lebih pentingnya pihak berkuasa, agama negeri-negeri haruslah bertindak dengan lebih tegas kecuali bagi negeri Kelantan kerna diperintah oleh PAS dan memang dia akan mengikut selera dia sahaja. .

JALAN RAYA - HASIL KAJIAN BADAN PENYELIDIKAN

16. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin Minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan yang telah dibuat oleh badan-badan penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti IKRAM dan Universiti-universiti di dalam mencari formulasi baru berhubung dengan bahan yang digunakan bagi membina jalan raya. Ini kerana:

- (a) bitumin yang digunakan sekarang berkemungkinan tidak sesuai dengan kegunaan di Malaysia oleh sebab cuaca yang ada dan
- (b) mendapatkan alternatif baru di dalam usaha untuk mengurangkan kos baik-pulih jalan yang terlalu besar dan kejadian jalan rosak yang begitu ketara sekali.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan memang telah dijalankan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mengenai kesesuaian bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan jalan raya di Malaysia.

IKRAM juga telah menganjurkan penyelidikan tertentu kepada jurutera-jurutera Jabatan Kerja Raya yang sedang menjalankan ijazah lanjutan di Universiti Birmingham dan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan luar negeri dalam kajian berhubung dengan masalah pembinaan jalan di bawah keadaan tropika.

Walau bagaimanapun, ingin saya memberitahu, adalah tidak benar kenyataan bahawa bitumen tidak sesuai digunakan dalam pembinaan jalan raya di negeri kita. Mutu bitumen yang digunakan pada masa ini adalah sesuai dan ianya juga digunakan dalam pembinaan jalan raya di negara Singapura Indonesia dan Thailand.

Sekiranya mutu bitumen yang lebih tinggi digunakan seperti 'modified bitumen', ianya akan melibatkan kos yang lebih tinggi dan tidak berekonomi dalam keadaan biasa. Walau bagaimanapun, bitumen yang bermutu tinggi telah pun digunakan dalam keadaan tertentu seperti di lorong mendaki yang digunakan bagi kenderaan berat, seperti di Bukit Tinggi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian sentiasa mencari alternatif untuk membaiki dan memulihkan jalan

yang bermutu dengan kos yang minimum. Beberapa teknologi baru dan kaedah telah diperkenalkan seperti campuran getah dengan bitumen dan campuran yang membolehkan air tidak bertakung di atas muka jalan raya. Penggunaan teknologi baru ini adalah dalam peringkat ujian.

PERATURAN BARU PENILAIAN TENDER -PELAKSANAAN

17. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai tawaran-tawaran untuk kerja-kerja kontrak dikeluarkan setiap masa oleh pihak JKR dan kontraktor-kontraktor bumiputera mengambil peluang untuk membuat tawaran. Adakah beliau sedar akan rungutan tentang kesulitan untuk mendapat tawaran-tawaran kerana tidak dapat mengikuti dan menepati kehendak-kehendak sistem baru kontrak. Oleh yang demikian adakah pihak JKR akan membuat satu cadangan semakan semula untuk membuka sedikit ruang kepada kontraktor-kontraktor yang masih bermasalah ini supaya mereka juga akan turut bersama mengecapi dan mengikuti arus perkembangan ekonomi negara sebagai rakyat negara ini.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang diPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan Baru Penilaian Tender oleh JKR adalah bertujuan untuk memastikan hanya kontraktor berkualiti ditawarkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan negara. Kriteria-kriteria yang dipakai mengarabil kira ciri-ciri kontraktor berwibawa seperti yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu mempunyai 'track-record' yang memuaskan, mempunyai modal yang mencukupi serta mempunyai pengetahuan dari segi teknikal dan pengurusan.

Oleh itu, Peraturan Baru Penilaian Tender ini bermatlamatkan untuk:-

- (i) menilai tender-tender kerja secara lebih saintifik dan objektif;
- (ii) memastikan projek Kerajaan disiapkan mengikut tempoh;
- (iii) membangun kontraktor kerja yang berkualiti dan berdaya maju; dan
- (iv) menggalakkan pembaziran perbelanjaan Kerajaan, meminimumkan projek-projek yang terpaksa ditender semula kerana berbagai-bagai sebab seperti kurang kepakaran dan masalah kewangan yang dihadapi oleh kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Peraturan Baru Penilaian Tender ini tidak menyekat penyertaan dan peluang kontraktor bumiputera yang memenangi tender-tender JKR. Satu analisa ke atas tender-tender yang dikhususkan untuk bumiputera bagi tempoh dari tahun 1992 sehingga sekarang telah menunjukkan bahawa dari 16 projek (tender) yang ditawarkan, sebanyak 190 tawaran tender daripada kontraktor bumiputera telah dinilai. Dari jumlah tersebut, sebanyak 68 iaitu 35.7% dokumen tawaran tender berkenaan telah lulus penilaian dan layak dipertimbangkan,

Tuan Yang di-Pertua, bagi tender terbuka pula, pada tempoh yang sama (tahun 1992 hingga sekarang) dari jumlah 55 tender yang dikeluarkan sebanyak 257 tawaran tender dari kontraktor bumiputera telah

dinilai di mana sebanyak 104 ataupun 40.4% tender tersebut telah lulus penilaian dan layak untuk dipertimbangkan selanjutnya.

Jika dibuat perbandingan, bilangan tawaran tender yang telah dinilai dan layak untuk dipertimbangkan selanjutnya dari kalangan kontraktor bukan bumiputera, didapati jumlahnya hanya sebanyak 60 ataupun 29.41 telah lulus ujian penilaian yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penapisan secara ini JKR harap dapat memastikan bahawa projek-projek yang ditender nanti dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan tidak melebihi kos projek yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, rungutan terhadap pelaksanaan peraturan ini adalah disebabkan kontraktor-kontraktor tidak memahami akan kriteria yang digunakan di bawah Peraturan Baru Penilaian Tender ini,

Jabatan Kerja Raya telah mengambil tindakan-tindakan berikut bagi memastikan kontraktor memahami keperluan Jabatan dalam menilai sesuatu tender:-

- (i) Di setiap lawatan tapak atau dalam sesi 'site briefing', penender-penender telah dimaklumi kriteria-kriteria penilaian yang dipakai dan diingatkan supaya mengemukakan semua maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan;
- (ii) satu senarai semakan (check-list) disertakan bersama setiap dokumen tender yang dijual. Senarai semakan ini diadakan khusus untuk menarik per-

hatian penender-penender terhadap perkara-perkara yang patut diambil tindakan sebelum mengemukakan tendernya dan salah satu perkara ialah supaya penender mengambil tindakan mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan untuk membolehkan penilaian dibuat;

(iii) di samping itu juga diberi satu arahan kepada penender dalam dokumen tender menarik perhatian penender terhadap keperluan mengemukakan maklumat kepada Jabatan;

(iv) Seminar mengenai Peraturan Baru Penilaian Tender khusus untuk kontraktor-kontraktor telah diadakan bagi Zon Tengah, Utara, Selatan dan Tiinur di mana seramai 832 orang . kontraktor telah menyertai seminar ini. Di samping memberi penjelasan terhadap kaedah yang digunakan dalam membuat penilaian, peserta seminar juga telah diminta menyediakan perkiraan bagi menentukan keupayaan kewangan dalara sesi bengkel supaya mereka boleh menilai keupayaan kewangan sendiri sebelum menyertai sesuatu tender.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha-usaha telah dijalankan untuk meraberi penerangan dan tunjuk ajar kepada kontraktor bumiputera, masih terdapat di kalangan kontraktor-kontraktor yang menyertai tender yang masih enggan mengemukakan maklumat-maklumat

kepada Jabatan untuk membolehkan penilaian dibuat ke atas mereka. Peluang telah pun diberi tetapi kontraktor-kontraktor sendiri yang merabantutkan peluang mereka memenangi tender-tender Jabatan dengan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian memberi keutamaan kepada kontraktor usahasama antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya minta diulang sekali lagi soalan itu.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu sama ada Kementerian memberi keutamaan kepada kontraktor usahasama antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya, tidak ada kelebihan sekiranya ada tender datang dari kerjasama antara bumiputera dan bukan bumiputera, ertinya semua tender akan diberi peluang yang sama rata walaupun ia berkongsi bersama bumiputera dan bukan bumiputera dan tender-tender yang lain.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Adakah Kementerian Kerja Raya akan memberi keistimewaan kepada Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) yang ditubuhkan oleh Kerajaan yang mana koperasi ini memiliki lesen kontraktor? Apabila koperasi ini memasuki mana-mana tender, koperasi ini berhak hanya satu undi sahaja, sedangkan orang individu satu undi juga, tetapi koperasi ini mewakili ahli yang ramai lebih daripada 100 ataupun 1,000 orang.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketahui ahli -koperasi pun jikalau masuk tender ianya akan dikira sama rata dengan penender-penender yang lain.

RTM - PENGGUNAAN SEBUTAN BAHASA BAKU

18. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menggunakan sebutan bahasa baku di waktu siaran sedangkan TV3 sudah laraa menggunakannya. -

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, RTM sudah pun menggunakan bahasa baku, walaupun kenyataannya tidak begitu jalan kerana pembaca-pembaca Berita atau penyampai-penyampai Berita dan Rancangan masih lagi terikut-ikut dengan cara lama. Adalah perlu diambil ingatan bahawa proses peralihan kepada bahasa Baku ini bukanlah satu prosea melalui kursus atau training, tetapi melalui pembiasaan pegawai-pegawai yang bertugas seperti 'on the job training' . Untuk itu, tidaklah hairan jika penggunaan,bahasa baku di RTM ini agak lambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa RTM akan terus berusaha di dalam menjayakan penggunaan bahasa baku di TV dan Radio.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shuib bin Haji Endut.

Tuan Abdul Rashid bin .Ismail: Tuan Yang di Pertua, dengan izin,
Soalan No. 19.

RAWATAN PESAKIT LUAR DI HOSPITAL HOSPITAL

19. Tuan Abdul Rashid bin Ismail [di bawah S.0.23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi taraf keistimewaan kepada kakitangan .Kerajaan yang mendapat rawatan sebagai pesakit luar di hospital-hospital dengan tidak mengenakan bayaran dan rmendapat special treatment' Ini kerana akhir-akhir. tahun ini kakitangan terpaksa beratur dan bersaing dengan pendatang asing untuk mendapat rawatan Tidakkah usaha ini meningkatkan hasil kualiti kerja perkhidmatan awam.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan yang mendapat rawatan sebagai pesakit luar di hospital-hospital Kerajaan tidak dikenakan sebarang bayaran. Mereka hanya perlu membawa surat pengenalan atau akuan yang dikeluarkan oleh jabatan masing-masing.

Ada beberapa hospital yang akan menyediakan kemudahan khas sama ada secara mengadakan kaunter berasingan ataupun pemeriksaan mengikut masa yang ditetapkan lebih awal supaya pegawai-pegawai Kerajaan tidak berada begitu lama di hospital bagi urusan rawatan sebagai pesakit luar. Bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk memberi rawatan kepada semua pesakit yang datang ke hospital Kerajaan. Keutamaan diberi mengikut keadaan dan ketenatan pesakit untuk mendapatkan rawatan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan K. Munisamy.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 20. Sebelum itu, saya minta dibetulkan soalan saya di bahagian (c) dari perkataan "kenapakah" menjadi "berapakah sewa yang dibayar untuk bangunan yang disewakan pada masa sekarang."

BANGUNAN JPJ DI IPOH

20. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) apakah sebab bangunan JPJ Ipoh yang telah dijilat api pada tahun 1989 dibiarkan tanpa dibina semula;
- (b) jika bangunan tersebut dibina semula, apakah kos pembinaannya; dan
- (c) berapakah sewa yang dibayar untuk bangunan yang disewakan pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab soalan **ini**. Untuk jawapan bagi soalan:-

- (a) Bangunan JPJ Ipoh yang mengalami kebakaran pada 17hb Februari, 1989 sedang dibaikpulihkan. Kerja-kerja baikpulih tersebut melibatkan dua fasa, iaitu kerja-kerja baikpulih struktur bangunan Fasa I dan kerja-kerja ubahsuai bangunan Fasa II.
- (b) Kos kerja-kerja bagi baikpulih Bangunan JPJ Ipoh iaitu kerja-kerja di bawah Fasa I, jumlahnya RM331,200 dan kerja-kerja di bawah Fasa II - RM2,274,046.
- (c) JPJ Ipoh pada masa ini menyewa sebahagian Bangunan Ipoh Garden Plaza dengan kadar sewa sebanyak RM35,235 sebulan.

PIALA THOMAS - RANCANGAN MEMPERTAHANKAN PIALA PADA TAHUN 1994

2. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertahankan Piala Thomas yang akan diadakan di Jakarta pada tahun 1994, dan adakah Kementerian sedar pemain-pemain Badminton kita telah jauh ketinggalan dengan pemain negara lain, khususnya Indonesia.

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar pemain-pemain Badminton kita telah jauh ketinggalan dengan pemain negara lain, khususnya Indonesia. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Persatuan Badminton Malaysia berkeyakinan bahawa pemain-pemain Badminton negara akan terus mempamerkan kecemerlangan menjelang Piala Thomas pada tahun 1994, dan berkemampuan mempertahankan piala keagungan tersebut. Beberapa langkah dan strategi telah, sedang dan akan diambil untuk mempertahankan Piala Thomas, Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) mendapatkan perkhidmatan jurulatih-jurulatih asing dari negara Cina;
- (ii) menghantar skuad Piala Thomas ke kejohanan antarabangsa sebagai pendedahan dan mengukur prestasi mereka dengan pemain-pemain luar negeri;
- (iii) mewujudkan tabung latihan BAM bagi membiayai latihan pemain-pemain Badminton negara;
- (iv) menyediakan program pembangunan untuk sukan Badminton di peringkat negeri melalui Projek TUO;

- (v) mewujudkan pemain-pemain dalam Kumpulan I, II, **III**. Kumpulan I ialah terdiri daripada pemain-pemain kebangsaan. Kumpulan II pula terdiri daripada pemain-pemain lepasan sekolah, manakala Kumpulan III adalah pemain-pemain yang masih bersekolah;
- (vi) mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan Badminton melalui program 'Tunas Cemerlang' yang dikendalikan bersama oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Setakat **ini**, sebanyak 30 buah sekolah dijadikan sebagai pusat latihan Badminton yang melibatkan penyertaan 628 atlet muda, dan 61 jurulatih yang bertauliah untuk mengendalikan latihan; dan
- (vii) menubuhkan akademik Badminton untuk melatih bakal-bakal pemain Badminton yang berkaliber dan bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup. dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 43 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [22hb Disember, 1993].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng. Sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya.

Dengan berbagai cara undang-undang digubal bagi membanteras dan membasmi dengan hukuman setimpal dan sistem lebih canggih difikirkan menggantikan sistem sedia ada yang masih terdapat kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, mohon saya menyampaikan rumusan saya dalam soal ini. Saya tidak menafikan bahawa Kerajaan telah berusaha membentuk sikap yang mulia dan telah juga menjalankan usaha memupuk nilai murni. Cuma saya berpendapat bahawa kemajuan yang pesat ke arah bidang ekonomi yang dicapai tidak seimbang dengan peningkatan pembinaan sikap mulia dan nilai moral yang dihasilkan. Saya mencadangkan dimasukkan satu lagi perkara selepas perkara IV Strategi Belanjawan 1994 sebagai perkara V, iaitu Meningkatkan Nilai Moral Yang Tinggi dan Sikap Murni Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di perenggan 50, kita dapati bahawa perhatian diberi oleh Kerajaan kepada warga berida Malaysia. Dengan peruntukan yang berjumlah RM164 juta kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, tentunya sebahagiannya akan dapat digunakan untuk kebajikan warga tua kita. Ini disanjung tinggi bahawa Kerajaan tetap mengenang sumbangan warga tua dalam mewujudkan Malaysia seperti hari ini. Seyogianya dimaklumkan di sini, warga berida di negara kita tidak kurang yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan kebolehan. Dan mereka masih mampu menyumbang, kalau tidak pun tenaga, tetapi buah fikiran dan pengalaman mereka terhadap masyarakat.

Adalah disarankan di dalam Dewan yang mulia ini agar dapat kiranya Kerajaan, melalui Kementerian berkenaan, mewujudkan satu badan khas untuk memberi sokongan dan pengendalian warga berida dalam usaha ini. Kerajaan wajar mengadakan polisi untuk menjaga kepentingan dan memberi perhatian kepada mereka. Pada masa ini, terdapat 1.34 juta warga tua dan pada tahun 2000 jumlahnya akan menjadi 1.8 juta. Ini merupakan 7% daripada penduduk Malaysia. Badan ini boleh bertindak sebagai pusat maklumat dan juga sebagai penyalur tenaga warga berita untuk dilantik sebagai penasihat, tenaga penceramah, pengajar dan mungkin satu tempat khas bagi mereka yang berminat dalam penulisan, kerana tentunya mereka mempunyai banyak bahan yang baik untuk dipaparkan kepada masyarakat.

Persatuan National Council of Senior Citizens Organisation of Malaysia (NACSCOM) adalah satu Majlis Persatuan Kebangsaan warga berida Malaysia. NASCOM telah ditubuhkan oleh beberapa orang warga berida yang telah mengambil inisiatif. Kerajaan seharusnya menyokong pergerakan ini. Mereka dapat menyumbang lebih banyak aktiviti untuk kebajikan dan faedah warga tua. Ini juga menjadikan NACSCOM sebagai kelab rekreasi dan pusat maklumat dan runding cara bagi warga berida. Satu perkara lagi tentang warga berida ialah kemudahan yang diberikan kepada mereka mengenai pengangkutan. Pada masa ini, saya difahamkan bahawa warga tua mendapat 50% diskaun penerbangan dengan MAS dan 40% diskaun perjalanan dengan kereta api apabila mencapai umur persaraan. Penumpang kereta api akan hanya mendapat 50%, apabila mereka berumur lebih 65 tahun sahaja. Mengapa ini tidak diselaraskan sedangkan ia lebih memberikan keselesaan kepada warga tua kita?

Yang lebih penting, rasanya perlu saya menyatakan di sini ialah mengenai cara mendapatkan tiket tersebut. Adalah disyaratkan bahawa mereka terpaksa membuat tempahan seminggu lebih awal. Tidakkah boleh syarat ini dikecualikan, terutamanya dalam waktu-waktu kecemasan? Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengeluarkan pas khas kepada warga berida sebaik sahaja mereka mencapai umur persaraan. Di samping membangun tenaga muda. Wawasan 2020, kita tidak lupa membalas budi kepada warga berida yang banyak berkorban tenaga dan buah fikiran yang telah menghasilkan kemajuan pesat yang kita nikmati hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran belanjawan untuk Kementerian Pendidikan sememangnya menjadi perhatian utama saya dan saya pohon izin untuk menyentuh mengenai Kementerian **ini**, Suruhanjaya Pendidikan diberikan peruntukan yang meningkat berbanding dengan tahun 1993. Ini saya anggap wajar dan semestinya kerana Suruhanjaya ini sangat penting dan dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan generasi akan datang yang mampu memajukan dan membangunkan negara dan masyarakat.

Sejak bertahun-tahun yang lalu, setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, sama ada UPSR, PMR atau pun SPM adalah masih ketara bahawa pelajar di bandar menghasilkan pencapaian yang jauh lebih baik berbanding pelajar luar bandar. Ternyata punca terjadinya demikian adalah kerana pelajar di bandar lebih terdedah kepada kemudahan seperti pusat-pusat tuisyen, khutub-khanah dan ditambah dengan kesedaran ibu bapa yang tinggi terhadap pentingnya pendidikan. Sedangkan pelajar di luar bandar lebih bergantung kepada sumbangan guru-guru dan buku teks semata-mata ditambah pula ramainya bilangan ibu bapa yang tidak berupaya menolong pelajar disebabkan kurangnya pendidikan. Untuk tujuan mendekatkan jurang perbezaan, kalau pun tidak berupaya menyamakan, adalah wajar pihak Kementerian Pendidikan memikirkan usaha mewujudkan lebih banyak perpustakaan yang lengkap di luar bandar. Kalau boleh khutub-khanah dimestikan ada di setiap sekolah di luar bandar, dan lagi satu bentuk usaha yang serius, menggalak dan menimbulkan minat berada di perpustakaan dijalankan oleh guru-guru.

Seperkara lagi mengenai Kementerian ini yang saya rasa perlu dihujah di sini adalah berkaitan dengan perkara IV, strategi Suruhanjaya Pendidikan untuk meningkatkan mutu kerja kakitangan Perkhidmatan Pendidikan. Guru-guru dikatakan dibebani dengan tugas yang banyak mengikut keperluan sukatan untuk pelajar. Ini adalah sewajarnya dan tidak ada alasan untuk tidak melaksanakan kerana sememangnya harus disampaikan oleh guru kepada murid-murid, untuk menghadapi peperiksaan. Tetapi guru-guru tidak pula sepatutnya dikongkong pada skop sekitar sukatan pelajaran dan hal ehwal sekolah sahaja. Pemikiran guru-guru juga harus berkembang dan maju mengenai hal-hal di luar perkara perguruan semata.

Untuk itu, saya ingin mencadangkan agar usaha dijalankan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan mutu kerja mereka. Adakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang menganjurkan kursus-kursus pendek dan seminar-seminar mengenai perkara yang lain dari sukatan yang perlu dibereskan sebelum peperiksaan, seperti seminar mengenai ilmu kemasyarakatan, psikologi, pengurusan ekonomi dan lain-lain? Kalau, pun tidak berupaya dianjurkan sendiri oleh Kerajaan, sekurang-kurangnya usaha galakan hendaklah dijalankan dengan memberi kelonggaran dan mungkin subsidi untuk mereka yang menyertai seminar yang dianjurkan oleh pihak swasta. Ini tentunya menanbah pemerhatian dan kefahaman guru-guru terhadap soal-soal luar profesion mereka dan membolehkan ia menjadi bahan dan contoh memperbaiki pengajaran.

Saya mencadangkan untuk memasukkan mata pelajaran Ilmu Kemasyarakatan ataupun Sociology ke dalam sukatan pelajaran bagi maktab perguruan. Ini akan membolehkan guru-guru memahami citarasa dan kehendak jiwa murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menarik perhatian saya dalam anggaran Belanjawan adalah mengenai Surahanjaya Pilihanraya. Merujuk kepada Objektif (B), saya rasa bukan sahaja mendapatkan pemilih baru yang perlu ditekankan, kesedaran lebih mendalam kepada warganegara terhadap peranan dan hak sebagai pemilih untuk mengundi perlu ditingkatkan. Maklumat dan kempen memberi kesedaran harus ditingkatkan di kalangan yang bersikap tidak kisah, yang masih terdapat dalam masyarakat kita. Yang masalah, bukan sahaja

orang-orang luar bandar yang kurang kesedaran tetapi yang lebih tidak menyenangkan terhadap sikap golongan terpelajar yang mengambil tidak kisah dalam soal pengundian. Diharap peratus yang membuang undi akan meningkat, kalau pun tidak boleh 100%.

Dengan kenyataan-kenyataan ini, saya menyokong penuh Belanjawan 1994. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Neo Tuan Cheng.

3.53 ptg.

Tuan Neo Tuan Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Belanjawan 1994. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan kerana telah membentangkan Belanjawan 1994 yang telah diterima secara menyeluruh sebagai satu-satunya yang padan dan sesuai dengan peringkat semasa pembangunan ekonomi negara. Telah enam tahun berturut-turut negara kita mengalami perkembangan ekonomi yang pesat. Ini telah menjadikan ekonomi negara kita lebih kukuh dan berdaya tahan.

Kejayaan yang amat besar ini patutlah semua rakyat Malaysia membanggakan. Kejayaan besar yang diperolehi ini adalah disebabkan negara kita mempunyai satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan mengambil berat tentang nasib dan kebajikan rakyat. Disebabkan Kerajaan kita dikuasai oleh sebuah parti, iaitu Parti Perikatan pada

dahulunya dan parti Barisan Nasional sekarang secara berterusan, maka segala rancangan jangka panjang dan jangka pendek telah dapat dilaksanakan secara tidak berputus-putus dan sama pentingnya disebabkan oleh sikap toleransi, tolak-ansur dan bekerjasama di kalangan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum yang mempunyai pelbagai kebudayaan dan agama. Maka rakyat jelata haruslah memberikan sokongan yang padu kepada Barisan Nasional untuk menjamin kestabilan politik yang berterusan, yang boleh memungkinkan ekonomi negara kita terus berkembang dan menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meninjau secara terperinci mengenai empat strategi utama yang diamalkan di dalam Belanjawan 1994, iaitu memastikan kesinambungan dalam pertumbuhan ekonomi, mengurangkan inflasi, mempertingkatkan persaingan teknologi serta membentuk sebuah masyarakat seimbang dan adil saksama, maka kita dapat membuat kesimpulan bahawa keempat-empat strategi tersebut dianggap bijaksana, rasional dan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994, negara kita dianggarkan akan mengalami pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.2% merupakan kadar yang tertinggi di kalangan negara-negara ASEAN. Akan tetapi untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi, sekurang-kurangnya 7% selama 27 tahun dari sekarang supaya Wawasan 2020 dapat direalisasikan, maka ianya merupakan satu cabaran yang besar, yang menguji asas kekuatan ekonomi kita.

Dengan mengurangkan cukai korporat dari 34% yang sedia ada

ke 32% pada tahun 1994 dan 30% pada tahun 1995, saya menganggap tindakan ini adalah untuk mengurangkan beban syarikat tempatan menarik lebih ramai pelabur asing di samping mempertingkatkan daya saingan ekonomi kita dalam arena perdagangan dan perindustrian antarabangsa.

Seperti yang kita sedia maklum, rantau Asia Pasifik amnya dan Asia Tenggara khasnya telah diramalkan sebagai fokus ekonomi antarabangsa menjelang kurun ke-21. Maka, wajarlah kita mengambil tindakan awal supaya Malaysia yang mempunyai infrastruktur yang canggih setelah pembinaan Lebuh Raya Utara-Selatan yang akan siap sepenuhnya pada awal 1994 mempunyai kelebihan daripada negara jiran dan tidak ketinggalan dalam merebut peluang perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan bahawa satu Jawatankuasa di peringkat Pusat dapat ditubuhkan untuk membuat kajian menyeluruh mengenai kelebihan negara-negara jiran dalam penarikan pelaburan asing. Fungsi Jawatankuasa ini juga termasuklah mengenalpasti masalah serta menilai sejauh mana keberkesanan dalam proses permohonan memulakan operasi kilang, memberi cadangan kepada pihak Kerajaan untuk mempertingkatkan keanjalan dalara konteks menggalakkan lebih banyak pelaburan asing. Untuk melicinkan kerja, saya mengesyorkan agar Jawatankuasa ini boleh dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pemprosesan pelaburan asing. Melalui cara mengenali kelemahan.

diri serta mengetahui kelebihan pihak pesaing, maka kita akan dapat sentiasa berusaha memperbaiki dan mempertingkatkan pencapaian kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita berhasrat untuk mengeksport kepakaran serta perkhidmatan ikhtisas anak tempatan ke negara-negara lain yang sedang membangun, maka saya mencadangkan agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian mewujudkan satu agensi khas yang secara aktifnya membantu golongan ikhtisas tempatan memasarkan perkhidmatan mereka ke negara lain.

Agensi ini bukan sahaja mengumpul maklumat mengenai kepakaran Malaysia yang boleh dieksport, malahan ianya juga bertindak sebagai agen pemasaran di mana negara-negara yang memerlukan kepakaran Malaysia boleh berhubung terus dengan agensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengawalan inflasi kita harus bersyukur kerana negara kita mempunyai kadar inflasi yang terkawal pada paras di bawah 3.8% berbanding dengan negara China yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 12.5% tetapi bersertakan dengan kadar inflasi hampir 20%. Kawalan terhadap inflasi haruslah diberi penekanan kerana pembangunan tidak akan membawa makna sekiranya inflasi berleluasa. Dengan pengurangan cukai terhadap 500 jenis barangan pada tahun hadapan terutamanya bagi barang makanan dan bahan binaan, saya yakin bahawa kadar inflasi Malaysia akan menjadi lebih rendah dari sekarang. Tambahan pula sumbangan KWSP bagi majikan telah meningkat 1%, ini secara langsung akan menambahkan simpanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kempen kesedaran pengguna yang giat dijalankan di seluruh negara harus diteruskan. Ini termasuk operasi ke atas kedai-kedai, penerangan mengenai hak-hak asasi pengguna. Walaupun Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan cukai barangan keperluan seharian demi mengawal inflasi, saya masih khuatir bahawa terdapat segelintir pekedai yang sengaja mencari kesempatan untuk mengaut lebih banyak keuntungan, misalnya di kawasan persinggahan bas pesiaran dan bas ekspres. Walaupun mereka ini meletak tanda harga pada barangan tetapi harga yang mereka tandakan adalah jauh lebih mahal daripada harga biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi usaha Kerajaan untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di dalam sektor korporat. Menurut Belanjawan 1994, mana-mana syarikat yang menjalankan kegiatan R&D, akan diberi insentif dan elaun sama ada sepenuh atau sebahagiannya. Seperti yang diketahui, kegiatan R&D merupakan suatu aktiviti yang penting dalam mempertingkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran.

Memandangkan pelaburan dalam kegiatan ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi atau melibatkan pembelian alat-alat serta teknologi yang canggih, maka saya mengesyorkan agar semua universiti tempatan yang dilengkapi dengan kepakaran dan teknologi melaksanakan program R&D mereka secara usahasama dengan pihak swasta. Usahasama yang dimaksudkan ini bukan sekadar pihak swasta menghulur wang manakala pihak universiti menjalankan kerja penyelidikan.

Pada pendapat saya usahasama pihak swasta dengan universiti tempatan harus melibatkan dua hala, iaitu di samping pihak swasta menaja para pegawai dari kedua-dua pihak harus berganding bahu menjalankan penyelidikan bersama. Kita enggan melihat pusat R&D bertumpu pada universiti-universiti tempatan sahaja, malahan secara idealnya kita mahu mewujudkan pusat-pusat R&D di syarikat-syarikat swasta.

Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak korporat dan universiti tempatan dapat menjalinkan satu hubungan yang baik dalam konteks memajukan kegiatan R&D yang dianggap sebagai mangkin dalam pembangunan industri. Untuk mencapai matlamat ini, saya mencadangkan agar satu sekim pertukaran pegawai iktisas diwujudkan di antara kedua-dua pihak. Melalui program sedemikian pihak universiti dan korporat saling dapat, mengenali keperluan pihak yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada pembinaan rumah murah untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ringkaskan,

Tuan Neo Tuan Cheng: Tidak banyak lagi. Terima kasih. Beralih kepada pembinaan rumah murah untuk golongan yang kurang berada, saya menganggap peruntukan Kerajaan sebanyak RM1.04 bilion serta penubuhan Tabung Perumahan Rumah Kos Rendah. Dengan adanya bantuan dari tabung tersebut, pihak pemaju perumahan tidak mempunyai helah untuk mengabaikan pembinaan rumah kos rendah yang dipandang sebagai projek yang tidak banyak menguntungkan mereka.

Dari segi pelaksanaan pula, saya ingin mengingatkan Kerajaan supaya sentiasa mewajibkan pembinaan rumah kos rendah terlebih dahulu daripada pembinaan rumah kos sederhana, banglo dan rumah kedai. Pada hemat saya, ini harus dijadikan sebagai satu syarat mandatori bagi mana-mana projek perumahan. Langkah ini adalah untuk memastikan pihak pemaju ikhlas dalam soal pembinaan rumah kos rendah sebagai satu tanggungjawab sosial. Ini turut mencegah pemaju dari mencari jalan lain mengubah rancangan asal atau melengahkan pembinaan rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering tertarik dengan kata-kata amanat Presiden John F. Kennedy, iaitu, "Jangan tanya apakah yang boleh negara berikan kepada kita, sebaliknya tanya-lah kepada diri kita, apakah yang harus kita sumbangkan kepada negara". Kalau kita merenung sejenak kata-kata tersebut, kita akan dapati bahawa setiap rakyat harus mengambil berat tentang masyarakatnya dan sedia memberi sumbangan kepada masyarakat apabila diperlukan.

Dalam konteks masyarakat kita, umat Islam yang diwajibkan menunaikan zakat tidak dapat lari daripada memberi sumbangan kepada masyarakat. Bagi masyarakat bukan Islam pula, kita harus mewujudkan satu suasana cintakan masyarakat di samping menyemai rasa kepunyaan ataupun 'sense of belonging', dengan izin, di kalangan ahli masyarakat. Selama ini mungkin kita kurang menghayati pengorbanan dan sumbangan ahli masyarakat dalam bentuk wang ringgit terhadap institusi pendidikan tanpa mengira alirannya. Perlu diingatkan bahawa sebarang sumbangan atau derma orang awam kepada institusi pendidikan secara langsung akan mengurangkan beban serta tanggungan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mengira Islam ataupun bukan Islam, saya mencadangkan bahawa Kerajaan seboleh-bolehnya menetapkan satu nilai maksima pengecualian cukai sebanyak RM2,000 bagi mereka yang membuat kerja amal atau memberi sumbangan seperti menderma untuk tabung sekolah pertubuhan sosial dan pertubuhan kebajikan. Melalui cara ini diharapkan rakyat akan mendapat rangsangan serta insentif untuk memberi sumbangan mereka terhadap hal ehwal masyarakat. Ini selaras dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentuk sebuah masyarakat penyayang..

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata **ini**, saya menyokong Belanjawan 1994 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia kita. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang.Berhormat,Tuan Hanipah Ahmad.

4.12 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua bagi membolehkan saya bersama-sama turut membahaskan Akta Perbekalan 1994 yang berjumlah sebanyak RM22.7 bilion. Saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih berkemungkinan sebahagian daripada kek yang bernilai RM22.7 milion ini akan dapat dirasa kenikmatannya oleh rakyat negeri Perlis bila ia dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berbangga kerana Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri sudah membawa Malaysia ke arah yang lebih mantap kepimpinan dan pertumbuhan ekonomi yang unggul dan bernilai maju dari setahun ke setahun. Semua ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan memenuhi janji-janji yang telah diperkatakan atau yang telah diperjanjikan semasa pilihanraya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempercayai negara Malaysia lebih cemerlang dan lebih menjamin ke arah kestabilan politik, kemakmuran, kestabilan dan kesenangan dan juga kebahagiaan hidup kepada semua rakyat yang cintakan kepada negara Malaysia. Kita mengucapkan alhamdulillah, dengan pulangan dari kestabilan politik, daya saing ekonomi negara, kemantapan sosial membolehkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membentangkan satu Belanjawan berimbang yang menjadi idaman kesemua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mendengar pembentangan Belanjawan tersebut dan setelah kita membuat kajian dan semakan,

kita mendapati semua golongan rakyat dari semua peringkat, mahupun dari rakyat di peringkat luar bandar, daripada peringkat cendekiawan, profesional, politik dan juga pengulas-pengulas ekonomi sama ada dalam negeri atau luar negeri telah memberi keyakinan bahawa pertumbuhan ekonomi 8% mempunyai peluang untuk Malaysia maju di tahun-tahun yang akan datang. Dan juga mereka ini mempunyai keyakinan bahawa keempat-empat strategi Belanjawan berimbang akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan semua rakyat yang ada di Malaysia ini akan terus berada dalam "Barisan Nasional" sama ada mereka ini menyokong di waktu musim pilihanraya ataupun di waktu tidak adanya pilihanraya. Ini dapat saya sarankan kerana pada masa sekarang kita memahami dan mendapati ada rakan-rakan yang telah keluar daripada Barisan Nasional buat masa sekarang sedang beria-ia dan berjinak-jinak untuk masuk balik dalam barisan Barisan Nasional, kerana saya mempercayai mereka sendiri telah berkeyakinan hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang dapat membawa kemakmuran bagi semua rakyat di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlebih dahulu mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menjamin supaya insiden Highland Towers tidak akan berlaku lagi, dan cara-cara serta cadangan-cadangan cuba mengelakkannya telah pun dikemuka dan disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya mempercayai semua pihak yang terlibat haruslah peka dan saya amat berkeyakinan dan percaya bila sesuatu dirancangkan

dengan mematuhi setiap pandangan dan peraturan, insya Allah, mudah-mudahan semua yang kita laksana atau jalankan akan dapat berkekalan buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai andaian sendiri. Sesuatu yang tidak betul pasti ada yang menyebabkan atau membolehkan kondominium Highland Towers runtuh. sepertimana yang kita faham, Hasrat Kerajaan bagi memperketatkan undang-undang seperti yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri amatlah kita alu-alukan, iaitu dengan izin, "the development approval requirements on safety and environmental aspects would be tightened". Dan satu lagi penghujahan yang telah diberi yang kita amat mengalu-alukan dan kita dipercayai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengusahakan dan Kerajaan akan dapat menerima pandangan atau penghujahan yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini, iaitu dengan izin, "Development should not depend solely on profits without taking into consideration the effect of safety and environmental aspects". Saya percaya kalau ini dapat diambil pakat oleh pihak Kerajaan, sesuatu akan dapat dilakukan, berkemungkinan angkara seperti yang telah berlaku tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud 26 - Kementerian Pendidikan, jumlah peruntukan wang ialah RM7.6 bilion. Saya mempunyai keyakinan Kerajaan amatlah peka bahawa inilah satu Kementerian yang mempunyai peranan ke arah membentuk satu masyarakat yang akur kepada semua keadaan di negara Malaysia ini. Saya mempunyai keyakinan sejumlah peruntukan wang ini membuktikan bahawa pendidikan menjadi pengasas utama dalam membangunkan sesebuah negara. Kemajuan dan pengenalan negara masa kini dan juga di masa-masa silam bergantung kepada perkembangan ilmu dan hasil daripada perkembangan ilmu ini akan dapat melahirkan ahli-ahli fikir, sepertimana di zaman Empayar Islam, Greek dan Roman. Saya juga berkeyakinan Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah-langkah supaya status pendidikan negara ini akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan diberi tanggungjawab dan tugas yang berat bagi menjayakan satu generasi akan datang yang dibekalkan dengan ilmu dan mempunyai nilai hidup yang kamil,

Sistem Pendidikan Negara tertumpu kepada bandar dan luar bandar. Ini kita tidak dapat nafikan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sendiri telah membuat pengakuan bahawa sistem pendidikan di Malaysia adalah meliputi di kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah 30 tahun merdeka, usaha-usaha untuk mendekatkan jurang pelajaran dan pembelajaran telah diambil. Walaupun begitu, kita masih kedengaran rintihan bahawa masih wujud lagi jurang di antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar di peringkat rendah dan menengah. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat menyediakan dan mengambil tindakan yang bersepadu kepada perkara yang dirintihkan oleh rakyat di luar bandar. Di antara perkara-perkara rintihan yang telah disarankan dan sebahagian daripada rintihan ini telah juga diberi pengakuan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pendidikan yang ianya berlaku di peringkat sekolah-sekolah di luar bandar.

Yang pertama, saya mencadangkan atau membuat seruan kepada

Kementerian Pendidikan supaya dapat menyediakan kemudahan dalam yang lebih sempurna seperti bilik darjah, kemudahan-kemudahan perabot, perpustakaan, buku-buku bantuan yang cukup.

Yang kedua, dibekalkan guru-guru yang terlatih khususnya guru-guru dalam bahasa Inggeris dan mata pelajaran Matematik.

Yang ketiga, pemberian biasiswa yang cukup, asrama dan asrama desa ditambahkan di sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM1.1 bilion telah diperuntukkan bagi institusi pengajian tinggi yang meliputi peringkat vokasional dan teknikal. Dan saya mengharapkan institusi pengajian tinggi dapat mengeluarkan para cendekiawan yang bermutu, yang boleh membantu negara setimpal dengan ilmu yang mereka perolehi daripada pusat-pusat pengajian tinggi tersebut. Juga Kementerian Pendidikan haruslah meyakini dan memberi latihan supaya pelajar-pelajar lepasan institusi pengajian tinggi ini dapat mempunyai semangat daya saing, daya tahan, dan mempunyai minda yang produktif, excellent dan diligent, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ringkaskan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nama Malaysia telah dapat diperkenalkan di peringkat antarabangsa, di atas peranan yang telah dimainkan oleh Pasukan Keselamatan ataupun askar-askar kita yang telah kita tugaskan untuk memberi

perkhidmatan di peringkat negara-negara luar untuk menegakkan perdamaian daripada tercetusnya perbalahan politik di negeri-negeri yang berkenaan. Tentera-tentera kita telah dihantar ke negara seperti Congo, Cambodia, Somalia dan Bosnia di mana peranan-peranan serta tanggungjawab mereka amatlah dihargai oleh negara-negara yang berkenaan.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan pihak Kerajaan tidak akan lupa kepada jasa perajurit kita yang telah sama-sama memainkan peranan bagi menghapuskan darurat dan juga konfrontasi daripada negara Indonesia yang lalu. Dan saya mempercayai di atas peranan yang telah dimainkan membolehkan kita dapat menentangi konfrontasi dan mengembalikan negara kita sebagai sebuah negara yang bebas yang dicadang ditaluki oleh sebuah negara besar yang berjiran dengan kita yang mana semasa konfrontasi satu slogan telah dimainkan oleh negara yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi, dengan izin, "In war, never retreat, we will succeed". Tetapi angkara ini dapat dipertahankan di atas kebijaksanaan dan tanggungjawab perajurit-perajurit kita sendiri. Oleh yang demikian, saya mencadangkan. Kerajaan patut mengenangkan jasa bekas-bekas perajurit.

Oleh yang demikian, saya menyokong apa jua rayuan dan permohonan bagi menjaga jaminan hidup perajurit dan keluarga perajurit selepas mereka tamat perkhidmatan. Usaha-usaha yang dimainkan oleh Persatuan Bekas Perajurit haruslah diberi perhatian oleh pihak Kerajaan, di atas saranan dan cadangan untuk menjamin kehidupan selepas mereka sudah memberi satu perkhidmatan yang begitu baik

kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memerhati situasi Malaysia dalam peta dunia amatlah strategik. Sejarah telah membuktikan kedatangan Belanda, Portugis, Inggeris dan Jepun selain dari matlamat melakukan penaklukan ekonomi, negara-negara yang berkenaan juga berhasrat untuk mencari tapak-tapak untuk menegakkan kuasa di rantau Asia Tenggara ini.

Tuan Yang di-Pertua, arus politik masa kini telah berubah dan perang dingin sudah tamat. Sekarang kita mendapati timbul pula perang ekonomi, pertikaian hak dan wilayah. Negara kita Malaysia sama-sama tidak dapat dielakkan daripada terlibat dengan angkara perebutan wilayah sepertimana perebutan Pulau Spratly, Terumbu Layang-layang dan juga perebutan sebuah negeri didalam Malaysia iaitu Sabah. Oleh hal yang demikian, bagi memperlengkapkan diri, saya merayu pihak Kerajaan dapat menyediakan pasukan Tentera dilengkapi dengan senjata-senjata yang moden, yang sofistikated bagi menjamin keutuhan negara kita, berkemungkinan pada satu masa kita akan menghadapi. dengan musuh-musuh yang ingin menuntut hak-hak sepertimana yang saya perkatakan tadi, dan saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila gulungkan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1994 Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1994 selama 3 hari yang lalu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan, cadangan dan juga teguran terhadap perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri,

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa tugas dan bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri adalah terlalu luas. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan serta jawapan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu.

Kepada setengah-setengah perkara yang tidak sempat dijawab yang dibangkitkan semasa menggulung perbahasan ini, ianya akan diambil perhatian oleh Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Kalthom binti Haji Othman mengenai pelaksanaan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Sukacita saya maklumkan bahawa projek ini telah dikaji semula untuk menentukan bahawa semua kumpulan sasaran dapat menikmati manfaat sepertimana yang telah dihasratkan.

Ini dilaksanakan melalui penyusunan semula kaedah penyampaian peruntukan dan perkhidmatan dengan cara memperkemaskan lagi keberkesanan pelaksanaan program. Hasrat Kerajaan ialah untuk memberikan manfaat kepada semua mereka yang layak tanpa memilih bulu atau memihak kepada mereka yang menyokong parti pemerintah sahaja. Mereka yang layak didaftarkan di dalam Daftar Keluarga Termiskin dan daftar ini akan digunakan oleh semua agensi pelaksana secara bersepadu untuk memastikan keluarga dan ahli isi rumah termiskin mendapat pakej bantuan sepenuhnya supaya kedudukan sosial ekonomi mereka dapat ditingkatkan. Kerjaan sentiasa memberikan perhatian untuk menggubal dan mengubahsuai kaedah pelaksanaan PPRT supaya sindrom bergantung kepada Kerajaan semata-mata dapat dihapuskan. Ini dilaksanakan melalui penekanan yang lebih kepada pelaksanaan Program Pembangunan. Insan atau Manusia, Sikap dan Latihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan membina rumah di bawah PPRT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johan B.O.T. Ghani di bawah program PPRT, Kerajaan masih mengekalkan had kos bagi seunit rumah baru pada RM3,000 untuk membina rumah asas iaitu core-house, dengan izin, sahaja dan membaik-pulih pada kadar RM1,500. Dengan keputusan ini, agensi-agensi pelaksana hendaklah lebih inovatif dengan menggunakan bahan-bahan binaan tempatan yang lebih sesuai dan murah untuk mengatasi harga bahan binaan yang telah meningkat serta kaedah pelaksanaan yang paling berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang yang membangkitkan jumlah rakyat termiskin di negeri Sarawak, kerja-kerja pendaftaran rakyat termiskin sedang dijalankan di negeri Sarawak dan sehingga bulan Oktober, 1993, bilangan rakyat termiskin yang didaftar adalah seramai 12,363 orang..

Tuan Yang di-Pertua, mengenai takrif kemiskinan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kelsom binti Yaacob, Kerajaan baru-baru ini telah mengkaji semula takrif kemiskinan dan telah memutuskan pendapat garis kemiskinan (PGK) yang baru adalah RM405. Oleh kerana takrif termiskin adalah separuh PGK tersebut, maka pendapatan garis termiskin adalah RM202.50 atau RM40.50 per kapita bagi saiz keluarga lima orang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung hukum hudud yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kalthom binti Haji Othman, Kerajaan Persekutuan sedar bahawa Kerajaan PAS telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2/1993 di Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini. Perkara ini tidak seharusnya dijadikan bahan politik untuk mencapai kepentingan politik tanpa mengambil kira langkah yang sempurna yang dapat melahirkan kefahaman terhadap kehendak dan ajaran Islam mengikut Al-Quran dan Hadis. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Persekutuan perlu menjalankan kajian yang terperinci terlebih dahulu berhubung dengannya supaya soal hukum dapat ditentukan dijalankan mengikut Al-Quran dan Hadis bagi tujuan untuk mencari keadilan yang dituntut oleh Allah tidak pula menyebabkan ketidakadilan kerana tidak telitinya manusia melaksanakan hukum-hukum Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V.K. Sellapan ada membangkitkan perkara mengenai pergerakan gaji guru di bawah SSB. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula sistem pergerakan gaji yang telah ditetapkan di bawah SSB. Ini disebabkan sistem tersebut baru sahaja dilaksanakan dan keseluruhannya berjalan dengan baik. Kerajaan sedar pencapaian cemerlang bagi ketua sesuatu organisasi, umpamanya Guru Besar bagi mana-mana sekolah adalah juga kerana hasil sokongan, dorongan dan kerjasama guru-guru serta anggota-anggota lainnya. Bagimanapun, ini tidak bermakna kesemua mereka perlu diberi pergerakan gaji secara melintang kerana Kerajaan telah menetapkan cuma 2% dari kalangan yang cemerlang sahaja yang akan menerima pergerakan gaji tersebut. Ini berdasarkan kepada kuota yang telah ditetapkan seperti berikut:

Pergerakan gaji melintang 2%;

Menegak 32;

Mendatar 90%; dan

Statik 5%

Ketetapan kuota ini sangat perlu untuk menjamin suasana persaingan yang sihat di kalangan anggota sektor awam dan menentukan kualiti mutu kerja. Tanpa kuota tersebut anggota sektor awam tidak berpeluang untuk bersaing sesama sendiri bagi mencapai tahap mutu kerja yang tinggi dan produktif. Sekiranya semua anggota sektor awam dijamin pergerakan gaji yang sama setiap tahun mungkin akan timbul 'complacency' dan menjejaskan keutuhan perkhidmatan awam. Ini adalah bertentangan dengan hasrat pelaksanaan SSB.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Kalthom binti

Haji Othman ada menyebut mengenai eksplorasi minyak di negeri Kelantan. Sebenarnya, kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah kawasan pembangunan bersama iaitu 'Joint-Development Area' (JDA) yang terletak di sebelah utara luar pantai timur Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand di Teluk Siam Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan kawasan tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada pihak berkuasa bersama Malaysia/Thailand. Pada masa ini rundingan mengenai usaha mengeksplorasi dan mengeksploitasi JDA ini di antara kontraktor dan PBBMT masih diteruskan. Kerja-kerja eksplorasi akan hanya dimulakan apabila rundingan tersebut diselesaikan. Oleh itu, perkara-perkara mengenai pembayaran royalti ataupun mengalihkan tempat pengeluaran minyak seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tidak timbul dan tidak berasas.

Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Thai King pula mencadangkan supaya royalti petroleum kepada negeri-negeri dinaikkan daripada 5% kepada 10%. Dalam hubungan ini, suka saya jelaskan bahawa kadar pembayaran royalty kepada negeri-negeri yang mengeluarkan petroleum telah ditetapkan pada tahap yang sedemikian dan buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk menaikkan kadar royalti minyak daripada yang diberi sekarang, iaitu 5% kepada Kerajaan Persekutuan dan 5% kepada Kerajaan negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Saidin bin Mohamad ada menyentuh mengenai kelewatan Jabatan-jabatan Kerajaan menjawab surat-surat yang mereka terima. Sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan telah mengeluarkan arahan batu. Setiap surat yang diterima oleh

Jabatan-jabatan Kerajaan perlu dijawab dengan segera. Arahan tersebut terkandung dalam Arahan Perkhidmatan Bab 2, perenggan 16 berkenaan surat-menyurat. Di dalam arahan ini, Jabatan-jabatan Kerajaan telah diarahkan untuk menghantar akuan penerimaan ke atas surat-surat yang memerlukan perhatian segera. Untuk memudahkan Jabatan-jabatan Kerajaan memberitahu penulis akan penerimaan surat-surat mereka, satu kad akuan penerimaan siri Am 95-A (Pindaah) 1989 telah disediakan. Dengan ini kelewatan bagi memaklumkan tindakan sedang diambil ke atas surat-surat mereka sepatutnya tidak lagi berlaku.

Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir Jabatan Kerajaan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini. Untuk meningkatkan kesedaran jabatan-jabatan Kerajaan terhadap arahan ini, tindakan juga sedang dan akan diambil untuk mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.3/1993 mengenai Piagam Pelanggan. Piagam Pelanggan menghendaki setiap jabatan menetapkan standard masa bagi berurusan dengan orang awam ataupun pelanggan. Dengan ini, orang awam akan pasti mengenai jangka masa yang akan diambil bagi membuat urusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kesesakan lalulintas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Toh Kin Woon, sukaiah dijelaskan bahawa semangnya telah menjadi amalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengkaji setiap permohonan pembangunan projek-projek perumahan sebelum memberikan kelulusan DBKL akan memastikan supaya pelan susun atur yang dikemukakan oleh para pemaju ada menyediakan kemudahan infrastruktur yang memenuhi standard yang telah ditentukan. Di samping itu, DBKL juga melaksanakan tindakan

traffic management, dengan izin, seperti laluan sehala, pemasangan lampu isyarat, kawalan ruang letak kereta dan lain-lain. Dalam jangka masa panjang, DBKL menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam untuk perjalanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Limun Laikim pula membangkitkan mengenai Kementerian Hal Ehwal Sabah. Sukacita saya jelaskan di sini bahawa Kementerian Hal Ehwal Sabah diwujudkan bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan Sabah dan mengemukakan syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan mengenai tindakan yang perlu diambil bagi memastikan rakyat Sabah mendapat perhatian yang adil. Peruntukan sebanyak RM2 juta yang dipohon itu hanyalah merupakan peruntukan belanja Mengurus bagi gaji kakitangan Kementerian dan peralatan-peralatan yang akan digunakan. Oleh kerana Kementerian ini baru diwujudkan, pengisian ke jawatan-jawatan yang berkaitan di dalam Kementerian yang berkenaan akan dilakukan sedikit masa lagi, walaupun peranan sebenar Kementerian masih belum nampak, akan tetapi fungsi-fungsi Kementerian sebagaimana yang telah dijelaskan tadi telah pun dilaksanakan. Fungsi ini telah dilakukan bersama-sama dengan Kementerian lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pejabat sementara Hal Ehwal Sabah ialah di Jabatan Perdana Menteri dan, insya Allah, satu pejabat Yang Berhormat Menteri akan diwujudkan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai budaya kerja cemerlang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Rahmah binti Salleh sukalah dijelaskan bahawa semenjak pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 November 1989, Kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi yang berkesan untuk membolehkan anggota-anggota perkhidmatan awam menghayati budaya kerja cemerlang dengan sepenuhnya dalam kerja harian mereka. Strategi-strategi ini adalah seperti berikut:-

- (i) arahan dan garis panduan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam;
- (ii) perkongsian idea dan pengwujudan consensus;
- (iii) dokumentasi dan penyebaran maklumat;
- (iv) latihan dan peperiksaan;
- (v) tindakan susulan dan tindakan-tindakan seterusnya untuk mencapai matlamat;
- (vi) lawatan inspectorate; dan
- (vii) pengiktirafan dan pemberian anugerah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah memberi pandangan dan cadangan kepada Jabatan ini. Bagi perkara yang belum sempat saya sentuh, Jabatan ini akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya di masa akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Dalam Negeri.

4.41 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, begi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan negara kita untuk tahun 1994 di Dewan yang mulia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat hanya satu perkara yang dibangkit dalam tiga hari ini yang ada kaitan dengan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Soong Siew Hoong telah menyarankan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia perlu bersikap lebih liberal dalam menimbang dan mengeluarkan permit kepada pekerja-pekerja mahir dari luar negara bagi tujuan menampung kekurangan pekerja mahir dan ikhtisas di negara ini.

Di sini sukalah ,saya tegaskan bahawa dasar Kerajaan mengenai pengambilan pekerja-pekerja asing adalah jelas dan berseimbang, iaitu peluang pekerjaan hendaklah diutamakan kepada rakyat tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan yang mampu dan boleh dilakukan oleh

mereka. Dan Kerajaan tidak membenarkan majikan-majikan mengambil kesempatan untuk mendapatkan perkhidmatan buruh murah dari luar yang akan merampas ataupun deprive, dengan izin, peluang rakyat tempatan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan juga mengambil berat tentang keperluan tenaga kerja dalam pembangunan ekonomi negara. Pada masa ini, Kerajaan memang dan hanya membenarkan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir diisi oleh warganegara asing untuk sektor pembuatan sahaja. Untuk tujuan demikian, Kerajaan perlu berpuas hati usaha-usaha untuk mengambil pekerja tempatan telah dilakukan tetapi tidak berhasil. Majikan dalam sektor pembuatan ini akan dibenarkan mengambil pekerja-pekerja mahir selepas segala usaha telah dicubakan.

Bagi firma-firma atau syarikat yang dibenarkan menggaji pekerja-pekerja ikhtisas ataupun profesional dari luar, Kerajaan mensyaratkan supaya firma atau syarikat berkenaan mengadakan program latihan kepada pekerja-pekerja tempatan untuk satu tempoh yang sesuai supaya pada akhirnya pekerja-pekerja tempatan juga mampu memiliki kepakaran untuk menyandang jawatan-jawatan tersebut. Langkah-langkah ini diambil demi kepentingan rakyat dan negara dalam masa jangka panjang.

Untuk tujuan mengadakan satu dasar yang seimbang dan yang menyeluruh, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet khas untuk menguruskan hal-hal berkenaan dengan pekerja asing; dan satu

Pasukan Petugas khas, untuk menguruskan semua perkara mengenai pekerja asing ini telah juga dipersetujui baru-baru ini oleh Kerajaan untuk ditubuhkan di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri. Segala keperluan ataupun segala perkara yang mungkin timbul hasil dari pengambilan pekerja asing ini akan diuruskan, diawasi dan dirancang oleh Jawatankuasa Kabinet dan juga dibantu oleh Pasukan Petugas Khas yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara yang telah dibangkitkan dan sekiranya ada apa-apa pandangan dan teguran lain yang tidak sempat saya jawab di sini, saya beri jaminan ianya akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]:
Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam Belanjawan 1994.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang

dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 1994 khasnya dan Rancangan Malaysia Keenam amnya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dijelaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberi perhatian di dalam menaikkan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar, baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan juga di Sarawak. Penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan-jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air adalah diberikan perhatian yang utama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Limun Laikim yang meminta Kementerian memberi perhatian ke atas isu-isu bekalan elektrik, air bersih, jalan kampung dan juga projek PPRT di negeri Sabah, sukacitalah dimaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa memberikan perhatian dan telah pun membelanjakan bagi negeri Sabah iaitu:

(a) **Bekalan Elektrik Luar Bandar:**

Untuk Rancangan Malaysia Yang Kelima telah dibelanjakan sebanyak RM44.6 juta; bagi tahun 1991 - RM6 juta; dan bagi tahun 1992 - RM26.7 juta.

(b) **Bagi Bekalan Air Luar Bandar:**

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah diperuntukkan sebanyak RM15.9 juta dan bagi tahun 1991 dan 1992 dibelanjakan sebanyak RM7.7 juta.

(c) **Bagi Jalan-jalan Kampung:**

Untuk Rancangan Malaysia Yang Kelima, telah di-

belanjakan sebanyak RM20 juta; bagi tahun 1991 RM2.87 juta; dan bagi tahun 1992 - RM5.56 juta.

(d) **Bagi Jalan Luar Bandar:**

Untuk Rancangan Malaysia Yang Kelima telah dibelanjakan sebanyak RM432.1 juta; bagi tahun tahun 1991 sebanyak RM109.3 juta; dan bagi tahun 1992 - RM92.39 juta.

Mengenai permohonan Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang yang meminta Kementerian membangunkan Lembah Rajang dengan projek-projek pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan IADP serta infrastruktur-infrastruktur yang lainnya, sukacita juga saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya akan memberikan perhatian di atas permohonan Ahli Yang Berhormat dan akan membawa perkara ini kepada makluman Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar seterusnya akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk terus memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar agar kehidupan di luar bandar akan menjadi lebih menarik dan menguntungkan .

Bagi perkara-perkara yang lain, yang tidak sempat saya jawab, Kementerian saya akan mengambil perhatian sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjawab.

4.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Datuk Menteri, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan yang telah membangkitkan mengenai masalah pekerja-pekerja asing yang berkahwin dengan wanita tempatan dan akhirnya meninggalkan mereka serta anak-anak di Malaysia apabila pulang ke negara masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak ada menerima laporan mengenai perkara ini. Kementerian saya mengambil perhatian di atas syor Yang Berhormat supaya Kementerian saya mengadakan perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri bagi menangani masalah tersebut.

Saya juga mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Rashid Ismail yang telah mencadangkan supaya Kementerian saya memainkan peranan membangunkan masyarakat dengan menggunakan pertubuhan-pertubuhan sukarela atau NGOs dan badan-badan belia dalam membangunkan generasi pemimpin masa depan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang melibatkan pertubuhan-pertubuhan sukarela dan juga badan-badan belia di dalam usaha Kementerian membangunkan masyarakat dan menangani masalah sosial, selaras dengan dasar untuk mewujudkan masyarakat penyayang yang mengamalkan budaya Ikram. Dalam hubungan ini, Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengeluarkan geran tahunan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan yang mengendalikan program-program tertentu seperti menjaga orang-orang tua, mengendalikan masalah remaja, rumah kanak-kanak, orang cacat dan sebagainya. Di samping geran tahunan yang diberi, Kementerian saya juga membantu dari segi memberi latihan kepada sukarelawan-sukarelawan bagi memantapkan program yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan.

Kementerian saya juga sentiasa menggalakkan individu dan masyarakat tampil ke hadapan menyumbang tenaga bakti dan kepakaran mereka dalam pertubuhan sukarela dan membantu Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya, melaksanakan program bagi membangunkan masyarakat dan mengatasi masalah sosial semasa.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian saya mengambil perhatian terhadap setiap masalah sosial di dalam negara dengan cara mengadakan gabungan dengan badan-badan lain, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa peka kepada masalah-masalah sosial semasa dan memang melibatkan badan-badan lain yang mempunyai kepakaran tertentu dalam menangani masalah yang dihadapi.

Yang Berhormat Senator Puan Rosalind Yau Shuk Meng tadi telah menyentuh perkara warga tua di negara kita. Saya setuju sepenuhnya dengan wujudnya pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf kesihatan negara, warga tua di negara kita akan sampai ke satu jumlah yang besar dalam tahun 2000, dianggarkan 1.8 juta orang tua. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik untuk kita memberi penghormatan dan penghargaan kepada warga tua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menjalankan banyak program-program dan aktiviti-aktiviti bagi orang-orang tua. Di samping itu, kita telah pun mengisytiharkan satu dalam setiap tahun, iaitu 1hb Oktober, dinamakan 'Hari Warga Tua', di mana kita menjalankan banyak aktiviti selain daripada bantuan kewangan dan lain-lain bantuan, kita juga memberi pendedahan kepada orang ramai betapa pentingnya peranan warga tua di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat, dan inilah sahaja yang sempat saya menjawab. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-pertua: Dijemput pihak Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan **ini**, untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan **isu-isu** berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan telah membangkitkan isu kadar tarif perkhidmatan telekomunikasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awal tahun **ini**, Telekom Malaysia telah memohon untuk mengkaji semula kadar tarif yang sedia ada. Memandangkan permohonan berkenaan tidak lengkap, Menteri telah menolak permohonan itu. Baru-baru **ini**, Telekom Malaysia telah mengemukakan permohonan yang baru, dan ianya sedang dikaji oleh Kementerian.

Mengenai kadar tarif telefon luar bandar, kadar sewa semasa untuk telefon kediaman yang disambung kepada ibu sawat yang bermuatan 500 talian ke bawah ialah RM10 sebulan, dan bagi kadar perniagaan ialah RM20 sebulan. Sekiranya dibandingkan dengan kadar di bandar sebanyak RM20 untuk kediaman, dan RM35 untuk perniagaan, kadar ini adalah munasabah dan tidak perlu dikurangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah juga mengambil kira nilai 100 panggilan yang diberikan percuma, iaitu bernilai RM13. Dengan kata lain, seorang pelanggan di kawasan luar bandar yang membayar, RM10 untuk sewa

talian, tetapi mendapat nilai panggilan RM13 secara percuma. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelanggan di kawasan luar bandar duduk jauh dari ibu sawat, membayar sewa yang lebih, iaitu sesetengah pelanggan membayar sewa sehingga RM60 sebulan. Perkara ini diambil kira dan sedang dikaji semula dalam permohonan Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan bayaran caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Telekom Malaysia. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa caj perkhidmatan ini ialah cukai Kerajaan yang telah diumumkan dalam Belanjawan negara 1993 selaras dengan pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Kerajaan telah mengenakan cukai perkhidmatan sebanyak 5% ke atas perkhidmatan Telekom, dan kutipan oleh Telekom Malaysia hanyalah sebagai agen kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh telah mencadangkan supaya penggunaan tenaga nuklear dikaji. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memang bersetuju bahawa perancangan tenaga dunia jangka panjang akan melibatkan penggunaan teknologi nuklear. Tenaga yang dihasilkan oleh teknologi nuklear adalah bersih dan murah. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jepun dan Sweden, kita perhatikan bahawa teknologi nuklear luas digunakan untuk penjanaan tenaga elektrik. Di negara-negara OECD, 35% daripada punca tenaga mereka adalah daripada nuklear.

Masalah utama penggunaan teknologi ini ialah sisa radioaktif dan bekalan sumber bahan bakar reaktor, iaitu uranium dan cobalt. Negara kita juga boleh meneroka teknologi nuklear, terutamanya dalam penjanaan kuasa, memandangkan permintaan kuasa dijangka akan terus

meningkat. Walau bagaimanapun, pembangunan janakuasa nuklear memerlukan 'lead time', dengan izin, yang panjang lebih kurang 10 hingga 14 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang ini kita masih mempunyai banyak sumber-sumber tempatan, khasnya sumber hidro yang belum dieksploitasi dengan sepenuhnya. Maka penggunaan tenaga nuklear sebagai satu sumber tenaga menjadi pilihan yang terakhir. Sebagai negara yang pesat membangun Kementerian saya melalui agensi-agensinya akan terus mengawasi perkembangan-perkembangan terkini dalam bidang ini supaya negara sentiasa bersedia dari segi kemampuan, kemahiran untuk menggunakan teknologi nuklear apabila diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Johan . B.O.T. Ghani telah membangkitkan mengenai kemungkinan menggunakan tenaga suria sebagai sumber untuk penjanaan elektrik. Memang benar bahawa tenaga suria merupakan satu sumber tenaga yang boleh diperbaharui, dan merupakan option yang berdaya-maju, khususnya untuk penjanaan elektrik. Walau bagaimanapun, teknologi berkaitan masih tidak begitu viable dari segi kos untuk digunakan secara besar-besaran. Pada masa ini, penggunaan tenaga suria bagi penjanaan elektrik hanya dihadkan kepada projek-projek kecil di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak dapat disambungkan dengan grid;

Di abad ke-21 nanti, sumber tenaga daripada suria akan merupakan satu sumber tenaga yang amat penting.

Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani dan juga Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang telah menyentuh tentang bekalan elektrik dan perkhidmatan pos di kawasan luar bandar. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian memberikan keutamaan dan akan memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan ini di perluaskan lagi ke kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-pertua, sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya menjawab di sini, saya ingin memaklumkan di sini bahawa pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan saranan membina ke atas isu-isu mengenai Kementerian saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput pihak Menteri Kerja Raya menjawab.

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tingom Anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Janggu anak Banyang yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan juga Usul Anggaran Perbelanjaan 1994 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Janggu anak Banyang telah meminta Kerajaan untuk membina jambatan merentasi Sungai Rajang di Durin, menyambung jalan raya utama yang sedia ada di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang ada cadangan untuk membina jambatan merentasi Sungai Rajang di Durin. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut pada masa ini masih pada peringkat kajian kemungkinan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM2. juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja kajian kemungkinan ini dan juga untuk kerja-kerja kaji ukur dan reka-bentuk. Kerja-kerja tersebut dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 6 bulan. Pembinaan jambatan tersebut akan hanya dapat ditentukan selepas hasil kajian diperolehi. Jika jambatan ini diluluskan untuk di bina, peruntukan untuknya akan dipohon dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu di bawah bidang tugas Kementerian Kerja Raya. Sekiranya dan kemungkinan ada perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak dijawab, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tang di—Pertua: Dijemput pihak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

[Menteri/Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak ada di dalam Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang dijemput pula pihak Menteri Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahaasan Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dengan mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan dan seterusnya saya ingin menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Senator K. Munisamy dan Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan menyarankan supaya dibina sekolah-sekolah di kawasan baru dan juga kawasan penempatan yang mempunyai ramai penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari masalah tersebut dan sebagai langkah persediaan untuk mengatasi masalah ini, lebih banyak sekolah baru akan di bina di kawasan-kawasan berkenaan. Kerjasama daripada pemaju-pemaju perumahan adalah juga diharapkan agar dapat menyediakan kawasan tapak sekolah ini. di kawasan-kawasan perumahan yang dibangunkan mengikut syarat dan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membina sekolah baru ini adalah tertakluk kepada syarat dan kriteria yang telah ditetapkan ,oleh pihak Kementerian.

Berhubung dengan pendaftaran semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang telah ditutup, mengikut undang-undang yang sedia ada, jika sesebuah sekolah di tutup maka pendaftarannya adalah terbatal. Jadi, sesebuah sekolah baru hanya boleh kita dirikan dan

beroperasi setelah ia didaftarkan secara sah.

Yang Berhormat Senator Munisamy telah membangkitkan isu mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Changkat, Batu Gajah yang tidak mempunyai keperluan asas yang sempurna seperti padang dan sering mengalami banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah berkenaan bolehlah mengemukakan permohonan ini untuk mendapatkan peruntukan baik pulih daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk dipertimbangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sandaran tanpa latihan, walaupun telah lama berkhidmat masih tidak dapat diberi pertimbangan untuk memasuki maktab-maktab perguruan sekiranya didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan supaya Kementerian Pendidikan menambah bilangan guru terlatih dan meningkatkan mutu sekolah-sekolah Tamil, Kementerian Pendidikan sebenarnya sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan guru terlatih dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah rendah termasuk SRJK(1) di seluruh negara.

Mengenai cadangan supaya nisbah guru dan murid ditambah untuk mengurangkan bebanan guru, Kementerian Pendidikan membuat perkiraan bukan mengikut nisbah bilangan pelajar:guru, tetapi mengikut kelas guru iaitu 1 kelas untuk 1.5 guru. Bagi sekolah yang mempunyai kurang murid, iaitu kurang daripada 150 orang murid, peruntukan guru adalah berasaskan sama rata kepada jumlah murid dan bilangan kelas yang telah diluluskan atau bilangan murid dalam kelas, bergantung kepada jumlah enrolment sekolah berkenaan. Jadi dakwaan bahawa

tiada pengambilan untuk latihan guru bagi matapelajaran bahasa Tamil di Maktab Perguruan bagi tahun 1993 adalah tidak benar.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan juga menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif meningkatkan prestasi matapelajaran bahasa Tamil di sekolah. Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan pelbagai rancangan untuk meningkatkan prestasi dalam bahasa Tamil ini di semua sekolah termasuk SRJK(1). Antara langkahnya ialah menggantikan guru-guru sandaran yang tidak terlatih dengan guru-guru yang terlatih dan kita meningkatkan penyeliaan ke atas pengajaran dan juga pembelajaran bahasa Tamil serta mengadakan Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan untuk guru-guru ini. Jadi, usaha-usaha ini diharapkan dapat mempertingkatkan prestasi peperiksaan matapelajaran tersebut.

Yang Berhormat Senator Shuaib bin Endut yang telah mencadangkan agar Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) mengambil lebih ramai pelajar bumiputera. Sebenarnya kemasukan ke kolej ini adalah terbuka kepada semua kaum dan mereka perlu memenuhi syarat-syarat kelulusan yang telah ditentukan oleh kolej berkenaan. Jadi, berhubung dengan peluang melanjutkan pelajaran kepada guru-guru dan pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan, sebenarnya Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan sentiasa diberi peluang untuk mempertingkatkan kelayakan akademik mereka dan juga profesionalisme mereka dalam bidang pendidikan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, martabat Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi kita di negara ini tetap tidak berubah sepertimana yang terkandung di dalam Perlembagaan negara kita dan juga Akta Bahasa Kebangsaan. Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa merancang dan terus melaksanakan program dan juga aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa yang berwibawa dan juga berkesan. .Jadi, usaha untuk mempertingkatkan perkembangan bahasa kita itu juga dilakukan antara negara melalui Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABIM) yang ditubuhkan semenjak tahun 1985.

Jadi, mengenai cadangan supaya Kementerian Pendidikan memperkenalkan mata pelajaran Usuluddin dalam usaha untuk kita mempertingkatkan disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah, perkara ini telah pun dilakukan secara integrasi dalam matapelajaran Agama Islam di sekolah rendah dan juga menengah manakala di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama, matapelajaran ini telah diajarkan sebagai satu matapelajaran khas.

Jadi, berhubung dengan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kemudahan-kemudahan di sekolah luar bandar seperti perpustakaan, makmal sains dan padang sukan diberikan perhatian, Kementerian memang sedar dalam perkara ini dan pemberian kemudahan-kemudahan kepada pihak sekolah secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada peruntukan yang kita ada untuk keperluan dan mengikut keutamaan sekolah-sekolah berkenaan.

Berhubung dengan cadangan untuk meningkatkan lagi taraf mata pelajaran Matematik di sekolah, seperti mana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Toh Kin Woon, kajian penilaian terhadap mata-mata pelajaran di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah termasuk mata pelajaran Matematik telah selesai dijalankan. Jadi, langkah-langkah untuk kita memperbaiki kurikulum ini dan taraf mata pelajaran berkenaan serta usaha untuk kita menarik dan meningkatkan minat pelajar-pelajar akan diambil.

Ketrampilan guru-guru Matematik dalam menjadikan mata pelajaran tersebut lebih menarik dan mudah difahami pelajar, juga sentiasa kita pertingkatkan melalui kursus-kursus orientasi dan pengukuhan yang dijalankan dari masa ke semasa. Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai sesi persekolahan tahun 1994/1995, mata pelajaran Sains akan diperkenalkan kepada murid-murid tahap dua sekolah rendah iaitu Darjah Empat ke Darjah Enam supaya pendedahan awal Sains kepada murid-murid dijangka akan menambahkan minat mereka

ini dalam Sains apabila mereka sampai ke peringkat sekolah menengah kelak.

Berhubung dengan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya politeknik dan universiti mengadakan latihan kemahiran di waktu malam kepada pihak luar, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pendidikan ada menawarkan kemudahan ini untuk kegunaan sektor swasta bagi melatih dan mempertingkatkan kemahiran para pekerja mereka. Institusi yang terlibat ialah Sekolah Menengah Vokasional dan Politeknik di seluruh negara. Bentuk kemudahan yang kita sediakan ialah menyewakan ruang untuk tempat latihan dan juga peralatan latihan. Konsep kerjasama ini kita namakan "Time Sector Privatisation". Jadi, langkah ini diharap akan membolehkan penggunaan institusi awam dipertingkatkan terutama sekali semasa cuti dan selepas waktu kursus. Bagi pihak universiti, langkah sedemikian belum kita laksanakan dan kita akan pertimbangkan dalam masa yang akan datang.

Mengenai cadangan supaya ditambahkan masa untuk mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad, buat masa ini jumlah masa yang kita telah peruntukkan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan sekolah menengah adalah memadai, Di samping itu, kita juga mengadakan ceramah-ceramah agama yang sering kita adakan, di sekolah-sekolah terutamanya dalam bulan Ramadhan, perayaan Maulidur Rasul dan serta hari-hari kebesaran Islam yang lain.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya diwujudkan penyelarasan antara tugas-tugas Pusat Islam, Biro Tatanegara dan Kementerian Pendidikan sendiri dalam menjalankan aktiviti-aktiviti agama di sekolah-sekolah. Kementerian Pendidikan akan mengambil berat tentang cadangan ini dan kita akan mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap cadangan tersebut. Mengenai cadangan "Konsep Sekolah Perpaduan" sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong, pihak Kementerian sedang dalam proses untuk membuat perancangan dan Kementerian Pendidikan memang sentiasa prihatin terhadap tujuan kita untuk menjalinkan perhubungan antara kaum dan juga meningkatkan prestasi penguasaan Bahasa Melayu di kalangan semua pelajar kita.

Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan isu tentang program berkembar ini. Sebenarnya program tersebut sedang berjalan dan akan diteruskan oleh Kementerian Pendidikan, dan universiti-universiti tempatan yang pada masa kini mengambil bahagian dalam program berkembar ini dengan maktab-maktab perguruan kita iaitu dalam bidang-bidang pengajian tertentu. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga akan menjalankan program berkembar ini dengan beberapa buah universiti di United Kingdom untuk melatih guru-guru berijazah, khususnya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris.-

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang telah juga menyentuh soal konsep universiti terbuka, telah pun wujud tetapi belum kita laksanakan secara meluas dan masih dalam peringkat

perancangan. Kita berharap ia akan dilaksanakan dengan lebih luas dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, pada masa ini dua buah institusi pengajian tinggi tempatan iaitu Universiti Sains Malaysia dan Institut Teknologi MARA (ITM) dalam program yang dikenali sebagai Program Jarak Jauh atau "Distant Learning" dan juga pengajian luar kampus ini. Jadi, Kementerian Pendidikan juga berpendapat, penglibatan pihak swasta dari dalam dan juga luar negara menubuhkan institusi kejuruteraan, sains dan teknologi adalah sebagai usaha untuk membantu usaha-usaha Kerajaan untuk kita menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan kepada rakyat Malaysia. Jadi, oleh itu penubuhannya dibenarkan sekiranya penubuhan ini mematuhi keperluan-keperluan dasar dan juga syarat-syarat yang telah diperuntukkan dalam undang-undang kita yang berkuatkuasa pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Shahiruddin Ab. Moin telah juga menimbulkan isu kolej swasta yang telah menjalankan program berkembar ini. Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian penuh terhadap pelaksanaan dan perkembangan institusi-institusi pendidikan tinggi ini khususnya institusi swasta dan permohonan penubuhan institusi ini diproses dengan teliti untuk kita memastikan supaya segala peruntukan perundangan dan juga syarat-syarat negara ini dihormati. Dalam konteks pendemokrasian pendidikan, program berkembar ini memberi peluang kepada lebih ramai lagi pelajar-pelajar kita untuk mendapat pendidikan tinggi. Situasi seperti ini akan membantu Kerajaan dalam usaha kita menyediakan sumber tenaga manusia yang kita perlu untuk mencapai ke arah Wawasan 2020.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Limun Laikim dan Yang Berhormat Senator Tiong Thai King mengenai kekurangan guru di Sabah dan juga di Sarawak. Ingin saya mengatakan di sini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kekurangan guru-guru terlatih bukan sahaja wujud di Sabah dan Sarawak, ini adalah satu perkara yang boleh dikatakan masalah di seluruh negara kita. Jadi, kita mengatasi masalah ini melalui pelaksanaan pelan tindakan rancangan penyediaan tenaga guru dan masalah kekurangan guru terlatih di negara ini akan kita jangka dapat diatasi dengan secara berperingkat.

Yang Berhormat Senator Limun Laikim juga telah meminta supaya peruntukan pembangunan ditumpukan kepada negeri-negeri yang mundur seperti Sabah dan Sarawak dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Sabah telah pun diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM182.53 juta manakala di Sarawak pula sebanyak RM1.8 juta telah diberi pada tahun 1992 dan RM1.8 juta juga pada tahun 1993. Dari peruntukan-peruntukan ini adalah digunakan untuk pembinaan sekolah-sekolah baru, kerja-kerja ubahsuai dan naik taraf serta menambahkan pelbagai kemudahan fizikal di negeri-negeri tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Sri Sarasa yang telah menyentuh perkara, kesesakan bilik darjah yang berlaku, dan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanyalah berlaku di kawasan-kawasan bandar. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan akan membina lebih banyak lagi bilik darjah tambahan di samping pembinaan sekolah-sekolah baru. Ini juga bergantung kepada peruntukan yang kita akan dapat. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga akan mengagihkan penempatan pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah yang berhampiran.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahasa Inggeris juga memang kita beri penekanan dalam sistem pendidikan negara ini termasuk juga di kawasan-kawasan luar bandar. Antara langkah yang telah kita jalankan iaitu dengan menghantarkan guru terlatih kita khususnya dalam penguasaan bahasa Inggeris di kawasan-kawasan ini. Di samping itu, guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris telah didedahkan dengan cara dan kaedah pengajaran yang berdasarkan kepada sukatan pelajaran baru dengan lebih berkesan.

Mengenai saranan supaya perhatian diberi kepada bangunan-bangunan sekolah yang lama bagi kita menjamin keselamatan pelajar-pelajar perkara ini memang sentiasa dalam pengawasan pihak Kementerian. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sahaja, sebanyak RN120 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih, mengubah suai dalam pelbagai kemudahan asas di sekolah-sekolah kita.

Berhubung dengan prestasi Penilaian Menengah Rendah sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Sri Sarasa iaitu PMR, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PMR ini buat pertama kali telah diadakan dalam tahun 1993. Adalah tidak wajar kalau kita membandingkan keputusan prestasi antara, PMR, ini dengan SRP, kerana kedua-dua ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Berdasarkan prestasi secara keseluruhannya, peratus kelulusan pelajar dalam sembilan daripada sepuluh mata pelajaran teras adalah melebihi 80% iaitu yang telah sekurang-kurangnya telah mencapai tahap pencapaian yang minimum.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memang sudah kita pastikan dalam sesuatu peperiksaan akan terdapat juga pelajar-pelajar yang gagal mencapai tahap yang kita kehendaki. Jadi, seperti juga tahun-tahun sudah kemasukan pelajar-pelajar ke Tingkatan 4 adalah berasaskan kepada pencapaian dalam PMR kali **ini**. Jadi, bagi tahun ini selaras dengan konsep kita untuk meluaskan atau pendemokrasian pendidikan, kita meluaskan lagi peluang-peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar **ini**. Jadi, semua calon Sekolah Menengah Bantuan Penuh Kerajaan yang menduduki PMR tahun lalu, jika mencapai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum **iaitu** mencapai pencapaian peringkat 'D' dalam mata pelajaran **iaitu** dalam mana-mana tujuh mata pelajaran adalah layak naik ke Tingkatan 4 pada sesi 1993/1994.

Jadi, mengenai kes-kes kebocoran soalan peperiksaan, Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat bagi kita mengelakkan daripada berlakunya kebocoran soalan pada masa yang akah datang. Kita telah mengambil langkah untuk mengedarkan buku-buku prosedur tentang keselamatan kertas soalan kepada pihak-pihak berkenaan dan kita juga telah membina bilik-bilik kebal yang lebih sempurna di Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri, Begitu juga mengenai usaha dalam mengelakkan kesilapan ejaan dan aspek-aspek teknikal dalam soalan-soalan peperiksaan, kita akan mengambil tindakan yang lebih ketat lagi supaya kertas-kertas ini pula dicetak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail telah membangkitkan isu mengenai pendidikan moral. Tujuan Kementerian Pendidikan memperkenalkan mata pelajaran tersebut adalah untuk kita membentuk pelajar-pelajar kita menjadi anggota masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang murni. Jadi, dalam hubungan ini kerjasama daripada pihak-pihak luar termasuk agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat sangat kita perlukan untuk kita mencapaikan hasrat tersebut.

Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang meminta Kementerian Pendidikan mengadakan pendidikan prasekolah diperluaskan ke kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang untuk menambah lagi bilangan kelas prasekolah yang sedia ada iaitu 1,131 buah yang kebanyakannya terletak di tempat-tempat yang dulunya tidak pernah ada kemudahan untuk pra-sekolah. Walau bagaimanapun, kelas-kelas prasekolah yang akan datang, yang baru akan dibuka dan diuruskan oleh KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan Negara pada masa yang akan datang.

Jadi, mengenai permintaan supaya ditaraboh kemudahan-kemudahan guru di luar bandar, perkara ini adalah telah dirancangan dan juga perhatian diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan dalam tahun 1992 sebanyak 15,385 unit rumah guru telah dibinakan untuk menempatkan 20,031 orang guru. Jadi, di samping itu, projek-projek keceriaan sekolah pula telah dilancarkan dengan tujuan kita memperbaiki persekitaran dan juga keadaan fizikal di sekolah-sekolah. Galakan juga kita berikan terhadap aktiviti bersukan, kebudayaan kebajikan dan sosial kepada para guru kita.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai sekolah berasrama penuh, pada dasarnya tidaklah kita mengikut kawasan luar bandar atau bandar. Apa yang penting dalam pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh ini, iaitu dibina khas untuk pelajar-pelajar luar bandar yang telah mencapai tahap kecemerlangan dan yang perlu sokongan dalam aspek sosio-ekonomi di kawasan-kawasan tertentu. Jadi, oleh sebab itu, pada masa ini setiap negeri kita mempunyai sekurang-kurangnya sebuah sekolah berasrama penuh dan di kawasan Sarawak kita telah adakan dua sekolah berasrama penuh termasuk tambahan kepada sekolah-sekolah asrama harian dan asrama desa. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menyambut baik cadangan untuk kita membina sekolah-sekolah berasrama penuh ini di kawasan luar bandar dan juga akan meneliti dengan lebih lanjut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pendidikan. Dan saya memang sedar bahawa banyak lagi perkara yang saya tidak dapat sentuhkan di sini mengenai apa yang telah ditimbulkan. Saya akan memastikan di sini bahawa perkaraperkara itu akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengarabil bahagian dan memberi teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di—Pertua: Saya menjemput pihak Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Belanjawan 1994 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran telah mencadangkan supaya MITI atau Kementerian lain yang berkenaan memberi nasihat kepada syarikat perkilangan untuk membenarkan Jabatan Pembangunan Koperasi menubuhkan koperasi di kilang-kilang bagi kepentingan pekerja seperti Koperasi Motorola Selangor Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak menghalang penubuhan koperasi di kilang-kilang seperti yang telah ditubuhkan di kilang Motorola. Penubuhan koperasi sememangnya mendatangkan manfaat kepada ahli-ahli di dalam Koperasi Motorola Selangor Bhd. Kegiatan yang dijayakan oleh koperasi tersebut nescaya akan dapat memperbaiki lagi suasana di persikataran tempat kerja dan merupakan usaha majikan bagi memupukkan perpaduan dan semangat ketekunan di kalangan pekerja melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon-pula. telah mencadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan secara serius penawaran saham oleh syarikat-syarikat Kerajaan kepada golongan miskin, petani, nelayan dan pekerja ladang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah terlibat di dalam pengagihan saham-saham khas bumiputera yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat perkilangan, tidak termasuk syarikat kewangan, syarikat insurans dan syarikat-syarikat Kerajaan yang diswastakan dan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan dalam peruntukan saham-saham ini kepada institusi-institusi amanah Kerajaan seperti Permodalan Nasional Berhad. Melalui PNB, pemegang-pemegang saham Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional dapat menikmati pulangan dividen dan bonus yang dihasilkan dari kegiatan pasaran saham BSKL. Di samping PNB, Kementerian juga memperuntukkan saham-saham khas ini kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan Tabung Haji dan Koperasi Polis. Berdasarkan pengagihan ini, berbagai-bagai golongan masyarakat bumiputera bukan sahaja petani, nelayan dan pekerja ladang dapat memiliki saham-saham syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong telah mencadangkan:

- (a) supaya lebih banyak seminar atau bengkel dan publisiti mengenai peluang-peluang perdagangan kepada syarikat-syarikat tempatan diadakan;
- (b) MITI perlu mewujudkan bengkel rujukan maklumat yang dapat menerima maklumat dan menyebarkannya terutama mengenai hasil keluaran tempatan;
- (c) meneruskan usaha-usaha mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pertumbuhan ekonomi domestik berasaskan industri dan pertanian dan menggalakkan pembangunan IKS.

Mengenai cadangan (a), sukacita saya memaklumkan bahawa MITI telah pun melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti seminar, bengkel,

pameran perdagangan dan aktiviti publisiti mengenai peluang-peluang perdagangan kepada syarikat-syarikat tempatan. Usaha-usaha ini telah dipergiatkan lagi dengan tertubuhnya MATRADE pada 1hb Mac tahun ini. Biro Khidmat Nasihat Perdagangan dan Biro Informasi Perdagangan kini wujud di MATRADE untuk memberi nasihat dan informasi perdagangan kepada peniaga-peniaga tempatan dan di luar negeri.

Mengenai cadangan (b), penyebaran maklumat kepada peniaga-peniaga tempatan adalah di antara matlamat utama MITI dan MATRADE. Pusat Sumber MITI dan MATRADE merupakan pusat rujukan untuk mendapatkan berbagai-bagai maklumat mengenai perdagangan. Pusat-pusat sumber tersebut sedang berusaha mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat perdagangan antarabangsa dan akan menyebarkannya kepada syarikat-syarikat Malaysia. Saya amat berterima kasih sekiranya Yang Berhormat dapat menggesa syarikat-syarikat tempatan supaya mendaftarkan syarikat mereka dengan MATRADE agar segala maklumat-maklumat yang diperolehi dapat disalurkan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Mengenai cadangan (c), Kerajaan sememangnya berusaha untuk mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik berasaskan kegiatan perindustrian dan menggalakkan perkembangan Industri Kecil dan Sederhana. Kerajaan telah melancarkan inisiatif pelaburan tempatan pada bulan April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan telah meminta MITI memberi perhatian kepada penyertaan usahawan-usahawan India di bidang perdagangan termasuk dalam program bantuan bagi

Industri Kecil dan Sederhana. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah memberi tumpuan kepada semua usahawan tanpa mengira kaum. Di bawah program-program pembangunan IKS yang dilaksanakan oleh Kementerian ini, usahawan India juga layak untuk menyertai beberapa skim bantuan yang ditawarkan seperti program pembangunan vendor, skim pinjaman mudah modenisasi dan automasi, skim tabung bantuan teknikal perindustrian kecil dan sederhana, kemudahan tapak kilang dan menyertai ekspo-ekspo IKS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong pula telah mencadangkan:

- (a) diadakan zon perindustrian IKS bagi IKS haram kerana tidak selamat, tidak disediakan pasaran, sukar dikawal, tidak menggunakan mesin yang canggih;
- (b) mengadakan kajian komprehensif ke atas IKS haram dan mengharamkan IKS terutama yang mencemar alam sekitar;
- (c) supaya dibuat rumah atau hostel untuk pekerja-pekerja kilang sama ada untuk dijual atau disewa; dan
- (d) pekilang-pekilang digalakkan supaya menggunakan jentera dan automasi yang bercorak intensif modal dan berteknologi tinggi.

Mengenai cadangan (a), sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar permasalahan aktiviti-aktiviti pengilangan di atas tapak yang tidak dikhususkan untuk kegiatan pengilangan. Sebenarnya, MITI sedang menjalankan program pembangunan kawasan perindustrian IKS yang khusus di seluruh negara, di samping menyediakan bangunan-bangunan kilang yang sesuai untuk IKS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI melalui MIEL telah dan sedang menyediakan sebanyak 8 projek yang melibatkan tapak seluas 269 ekar dengan 488 unit bangunan kilang. Kawasan-kawasan tersebut adalah:

- (1) Bentong, Pahang - 10 unit. Tarikh siap - Jun tahun ini (sudah siap).
- (2) Bakar Arang, Fasa V, Sungai Petani, Kedah - 12 unit kilang, Telah disiapkan pada bulan Februari tahun ini.
- (3) Sungai Petani, Kedah - 114 unit kilang, Akan siap dalam bulan Disember pada tahun 1995.
- (4) Silibin, Fasa IV, Ipoh, Perak - 11 unit kilang. Telah siap pada bulan Ogos tahun ini.
- (5) Jaka,- Fasa III, Kemaman, Terengganu - 22 unit kilang, Telah disiapkan pada bulan Mei tahun ini. .
- (6) Mukim Batu, Kuala Lumpur - 207 unit kilang. Akan siap pada bulan Disember, 1995.
- (7) Muara Tabuan, Kuching, Sarawak - 16 unit. Akan siap pada bulan Mei tahun depan.
- (8) Bandar Sri Alam, Johor Bahru, Johor - 96 unit. Akan siap pada bulan Julai, 1995.

Tambahan pula, dengan pendirian kawasan perindustrian IKS, Kerajaan Negeri telah diminta supaya menawarkan tapak-tapak kilang dengan harga yang berpatutan kepada agensi pelaksana. Pada tahun 1994 dan 1995, Kementerian ini bersama-sama dengan agensi pelaksana dan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui agensi-agensi di bawahnya telah mengenalpasti 6 kawasan baru yang melibatkan kawasan seluas 605

ekar. Kawasan-kawasan tersebut adalah di Pedas, Negeri Sembilan seluas 195 ekar; di Telok Kalong, Kemaman, Terengganu seluas 100 ekar; di Kuala Kangsar, Perak seluas 100 ekar; di Gebing, Kuantan, Pahang seluas 100 ekar dan di Sungai Buaya, Hulu Selangor seluas 100 ekar. Apabila siap dimajukan, kawasan-kawasan ini dijangka dapat menyediakan sebanyak 1,120 unit bangunan kilang untuk TKS.

Mengenai cadangan (b), sukacita saya menyatakan bahawa satu banciaan yang menyeluruh sedang dijalankan di seluruh negara dan akan diikuti oleh kajian mengikut sektor-sektor utama oleh juruperunding yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Mengenai mengharamkan penerapatan IKS di kawasan-kawasan yang bukan miliknya, ianya tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Rahmah binti Salleh telah menyentuh:

- (a) mengenai proses industrilisasi hendak dilaksanakan berharmoni dengan alam sekitar;
- (b) kemasukan pelaburan asing perlu digalakkan dengan penyediaan infrastruktur.

Mengenai saranan Yang Berhormat Hajah Rahmah di (a), Kementerian ingin menegaskan bahawa Kerajaan sememangnya peka terhadap keperluan memastikan aspek-aspek yang dinyatakan itu diambil kira dalam merancang dan melaksanakan dasar. Dari segi keperluan memelihara persekitaran, langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut:-

- (i) projek-projek perkilangan perlu menjalani penilaian kesan alam sekitar atau, dengan izin, environment impact assessment. Pada masa ini seorang pegawai dari Jabatan Alam Sekitar ditempatkan di MIDA untuk memberi nasihat berkaitan alam sekitar kepada jawatankuasa terlibat sebelum sesuatu projek perkilangan diluluskan;
- (ii) Majlis Kebangsaan bagi Industri Bahan Berbahaya telah ditubuhkan pada tahun 1992 untuk mengawal pertumbuhan industri-industri yang dianggap berbahaya, misalnya petro-kimia dan bahan letupan;
- (iii) Kerajaan telah menandatangani Montreal Protocol bagi menghadkan dan menggalakkan penggantian penggunaan CFC.

Mengenai saranan di (b), Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan seperti pembinaan kawasan perindustrian, pembinaan kemudahan pengangkutan dan peningkatan sistem perhubungan. Di samping itu, tumpuan juga diberi kepada pembangunan tenaga manusia bagi menambahkan penawaran tenaga buruh mahir, di samping menggalakkan pemodenan dan penggunaan teknologi baru serta mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin telah mencadangkan:

- (i) menggalakkan industri-industri besar asing untuk mengagihkan peluang-peluang perdagangan dan perindustrian kepada syarikat bumiputera dan bukan bumiputera;
- (ii) meningkatkan kemahiran syarikat dan individu bumiputera dari segi promosi pemasaran, meluaskan rangkaian perdagangan pengurusan dan kemahiran teknikal dalam sektor perindustrian dan perdagangan;
- (iii) untuk menjadikan Malaysia negara maju, beliau mencadangkan:
 - (a) modal, kepakaran dan keupayaan tempatan ditingkatkan;
 - (b) kenalpasti industri baru berasaskan pengetahuan dan diadakan satu plan tindakan berkenaan;

- (c) mempelbagaikan asas industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi; dan
- (d) memastikan hasil Pusingan Uruguay dapat mengekalkan prestasi pertumbuhan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang perlunya meningkatkan penyertaan syarikat-ayarikat Malaysia termasuk syarikat-syarikat bumiputera, di dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian. Malah adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa had penyertaan asing adalah pada kadar maksimum 30% sahaja, sekiranya projek pengilangan berkenaan adalah untuk pasaran tempatan; ini dikecualikan syarikat mengeksport lebih 80% daripada keluarannya, penyertaan asing sehingga 100% boleh dibenarkan.

Bagi industri-industri tertentu kadar penyertaan industri asing ini adalah dihadkan bergantung kepada perkembangan industri tersebut di negara ini. Di samping itu, Kerajaan telah merangka beberapa strategi bagi meningkatkan penyertaan rakyat tempatan dalam sektor perdagangan dan perindustrian seperti berikut:

- (a) meningkatkan kandungan domestik;
- (b) memperbaiki dan memperkukuhkan pasaran kewangan dan modal;
- (c) memperbaiki dan memperkukuhkan keupayaan syarikat-syarikat besar domestik untuk menjadi 'anchor' dalam menerokai pasaran antarabangsa; dan
- (d) mempergiatkan perabangunan industri kecil dan sederhana.

Bagi meningkatkan kemahiran syarikat dan individu tempatan termasuk syarikat-syarikat bumiputera, Kementerian ini telah mengadakan beberapa program untuk membangunkan industri kecil dan sederhana tempatan.

Di antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Pembangunan pasaran melalui konsep 'payung'.

Setakat ini dua sektor perindustrian telah, dikenalpasti dan dilaksanakan di bawah program ini iaitu pemasaran perabot alatulis dan pemasaran barangan makanan di bawah jenama 'Besta'. Beberapa sektor akan dikenalpasti bagi memperluaskan lagi skop program ini

- (b) Pembangunan vendor. Setakat ini 3 program telah dilaksanakan iaitu skim pengeluaran komponen kereta motor, pengeluaran barangan elektrik dan elektronik dengan kerjasama Syarikat Roxy dan MMC. Beberapa sektor lagi sedang dikenalpasti untuk memperluaskan skop program ini.

Usaha bagi meningkatkan kemahiran bumiputera di dalam pengurusan perdagangan dan perindustrian juga melibatkan beberapa Kementerian dan agensi lain. Beberapa program latihan telah dianjurkan oleh pusat-pusat-latihan-dan kemahiran seperti IKM, NPC, SIRIM dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran dan teknologi bumiputera.

Kementerian ini mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Shahiruddin bin Ab. Mion. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam Belanjawan 1994 yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini, telah digariskan asas untuk menggalakkan kegiatan bagi meraperluas dan memperdalamkan sektor perindustrian di negara ini melalui galakan bagi kegiatan industri berteknologi tinggi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kerajaan Malaysia sememangnya berusaha untuk memastikan supaya pusingan rundingan perdagangan pelbagai hala Uruguay yang telah pun berjaya dimetrai baru-baru ini dilaksanakan sepenuhnya bagi menggalakkan perdagangan antarabangsa yang bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Biar saya tolong betulkan nama Senator Shahiruddin tadi - "Senator Shahiruddin bin Ab. Moin" - dia pun senyum di sana. Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pertanian.

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perakara di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah Baheran telah meminta Kerajaan mengkaji semula kedudukan koperasi asas tani yang diuruskan oleh LPP supaya dapat diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

Suka dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) telah menyerahkan 1,531 buah Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian kepada LPP pada tahun 1973 iaitu semasa LPP diwujudkan. Dalam tempoh tersebut hingga kini sebahagian dari Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian (SKATA) telah ditutup kerana kurang maju disebabkan kurang penglibatan serta sokongan ahli khususnya dalam bidang aktiviti kredit kampung, kilang padi dan "pinjaman-musim", kerana adanya kenmdahan yang diberi oleh Jabatan, agensi, badan lain seperti Bank Pertanian, Bank Rakyat, LPN, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan lain-lain. Walaupun bilangan SKATA di bawah LPP semakin berkurangan kerana sebahagiannya ditutup, tetapi prestasinya semakin meningkat secara keseluruhan. Perbandingan terakhir mengenai kedudukan akaun beraudit pada tahun 1991 dan 1992 menunjukkan bilangan SKATA telah berkurangan sebanyak 8 buah, tetapi keahlian, nilai saham serta bilangan harta dan keuntungannya kian meningkat sementara tanggungan-tanggungan dan kerugian kian menurun.

Pada masa sekarang Kementerian Pertanian bersama dengan LPP sedang menyemak dan menilai semula fungsi dan organisasi SKATA bertujuan menjadikan badan-badan tersebut lebih relevant pada cabaran dan kehendak pembangunan pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Shuib bin Endut dari Kedah telah menyentuh mengenai pendekatan baru pertanian untuk meningkatkan pendapatan petani luar bandar dengan memesatkan lagi industri prosesan hasil-hasil pertanian.

Dasar Pertanian Negara bagi tempoh 1992 hingga 2010 memang menekankan aktiviti pemerosesan (value-added) sebagai satu teras pembangunan sektor pertanian, apatah lagi dengan pasaran yang sedia ada serta terus berkembang.

Selain dari insentif-insentif yang diberikan kepada pihak swasta. Kerajaan juga melalui anak-anak syarikat agensinya seperti anak syarikat MARDI dan LKIM akan terus mengambil bahagian yang aktif melalui joint-ventures dengan pihak swasta dalam dan luar negeri bagi menjalankan projek-projek industri tersebut. Penggunaan bahan-bahan mentah dari luar juga merupakan satu asas dalam menggalakkan pembangunan industri pemerosesan.

Mengenai peluang perniagaan dan industri baru di luar bandar, umum mengetahui bahawa industrialisasi Malaysia pada masa sekarang ini adalah pesat dan ianya banyak dibantu oleh kemudahan-kemudahan yang lain yang membolehkan penglibatan keluarga-keluarga tani dan penduduk luar bandar melibat diri- dalam kerja-kerja di sektor industri. Malahan peluang-peluang pekerjaan tersebut 'off-farm' dan 'non-farm' memang jelas dan nyata dari segi komposisi pendapatan keluarga-keluarga luar bandar yang menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada pendapatan adalah dari pekerjaan-pekerjaan bukan pertanian termasuk pekerjaan-pekerjaan di kilang-kilang. Satu di antara sebab kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian adalah migrasi mereka kepada pekerjaan-pekerjaan dalam sektor pembuatan dan seumpamanya. Beberapa kajian menunjukkan bahawa adalah lebih mudah dan ekonomik untuk tenaga-tenaga buruh luar bandar berhijrah dan mengambil peluang pekerjaan di kilang-kilang.

Mengenai cadangan memperbanyakkan lagi bilangan usahawan, Kementerian Pertanian memang peka tentang hal tersebut dan kegiatan serta usaha ke arah ini akan dipertingkatkan lagi melalui penyediaan satu pelan tindakan untuk mewujudkan komuniti industri dan perdagangan buraiputera dalam sektor ini. Pelan ini sedang disediakan. Segala kepakaran dan sumber yang ada di agensi-agensi dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian akan dikerahkan

ke arah ini termasuk melalui usaha-usaha kerjasama dengan Kementerian lain dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Munisamy telah membangkitkan mengenai masalah pencemaran sungai, peranan FAMA yang perlu dimainkan untuk menyediakan kemudahan bilik sejuk dan juga beliau mencadangkan supaya tanah-tanah bekas lombong ditebus-guna dan diberikan kepada swasta dengan harga yang sesuai dan juga mencadangkan supaya pengusaha swasta digalakkan mengeluarkan lebih banyak makanan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pencemaran sungai-sungai yang terdiri daripada pencemaran sisa industri, pencemaran kelodak lumpur daripada pembangunan tanah dan pencemaran yang lain-lain sememangnya sentiasa diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi lain yang berkaitan mengikut jenis pencemarannya. Manakala JPS pula sentiasa bekerja sama dengan agensi- agensi tersebut dalam menangani isu-isu pencemaran yang dimaklumkan, sama ada melalui pemeriksaan jabatan atau maklumat yang diterima daripada orang ramai melalui media ~~masa~~ ataupun aduan.

Langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencemaran sungai sememangnya telah dijalankan dari masa ke semasa secara berterusan. Contohnya, dalam kempen "Cintailah Sungai Kita", satu daripada aktivitinya adalah pemerhatian sungai (river watch) di mana kualiti air sungai serta kesan pencemarannya akan diperhatikan bersama oleh Jawatankuasa dan peserta yang mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Untuk makluman, tindakan penguatkuasaan ke atas pencemaran

sungai adalah di bawah bidangkuasa agensi-agensi berkenaan masing-masing mengikut jenis pencemarannya. Mengenai pembinaan rumah sejuk pula, setakat ini pihak FAMA telah pun membina 24 buah bilik sejuk di seluruh Malaysia, iaitu 8 buah di bandar utama dan 19 buah di kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan utama,

Berikutannya, mengenai tanah-tanah bekas lombong, adalah didapati sesuai untuk tanaman buah-buahan seperti jambu dan belimbing di samping berbagai jenis sayur-sayuran. Sungguhpun demikian, oleh kerana status kesuburan tanah sedemikian adalah rendah, kos pembangunan untuk tujuan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran adalah tinggi. Walaupun demikian, penggunaannya masih lagi ekonomik bagi tanaman-tanaman yang bernilai tinggi. Tanah-tanah bekas lombong ini banyak terdapat di negeri Perak dan Selangor dan untuk tujuan penebus-gunaan tanah ini oleh pihak swasta yang berminat, rundingan perlu dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan memang mengambil tindakan di bawah Dasar Pertanian Negara untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta dan pekebun kecil bagi memperbanyakkan lagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan LPP telah melaksanakan projek kelompok sayur-sayuran dan buah-buahan serta projek, dusun nukleus bagi menggalakkan pengeluaran buah-buahan serta sayur-sayuran secara terus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V.K. Sellapan telah meminta Jabatan Pertanian menambah perkhidmatannya kepada penduduk luar bandar khususnya kaum India. Jabatan Pertanian memang memberikan tumpuan kepada penduduk luar bandar. Kaum India yang

duduk di luar bandar seperti kaum-kaum lain yang terlibat dalam aktiviti pertanian, menerima faedah daripada perkhidmatan Jabatan Pertanian. Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian untuk petani-petani termasuklah untuk memberi latihan dan khidmat nasihat dalam bidang-bidang pertanian, menyalurkan maklumat pertanian melalui media cetak dan pandang-dengar mengeluar dan membekalkan biji benih dan bahan tanaman yang bermutu dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong dari Negeri Sembilan telah mengesyorkan supaya subsidi baja padi dikekalkan dan meningkatkan pemuliharaan tanah sawah terbiar dan juga beberapa aktiviti pertanian diswastakan memandangkan kekurangan tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, skim baja subsidi yang ada sekarang ialah hanya untuk penanam-penanam padi sahaja. Tujuan Kerajaan memberi subsidi berkenaan adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran di samping meningkatkan pendapatan dan pengeluaran hasil padi negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai paras sara diri sebanyak 65% demi keselamatan negara. Kementerian juga sentiasa bergiat untuk memulihkan tanah terbiar supaya ianya lebih produktif. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, pihak MARDI telah menjalankan berbagai aspek penyelidikan mekanisasi dalam aktiviti pertanian seperti penyediaan tanah, penanaman, penuaian, dan pengendalian hasil lepas tuai bagi jagung, buah-buahan, sayur-sayuran dan juga di dalam pemerosesan makanan. Kementerian sedang menggiatkan promosi penggunaan jentera dan mekanisasi dalam kaedah-kaedah pengeluaran termasuk peningkatan mekanisasi penanaman padi

sama ada secara berkelompok atau secara estet.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Saidin bin Mohamad dari Perlis mengesyorkan pihak MARDI menyebarkan maklumat kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), mencadangkan supaya pinjaman PPK sebanyak RM23 juta pada tahun 1970 dihapuskan dan beliau juga minta supaya pihak LPP mengadakan perkhidmatan kaunseling kepada PPK dan Yang Berhormat juga raencadangkan supaya PPK mengambil insuran perkhidmatan, untuk ahli-ahlinya bagi menampung kos perubatan kepada ahli-ahli yang memerlukan perkhidmatan perubatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MARDI telah pun memperluaskan penyebaran maklumatnya kepada PPK, malah beberapa projek pembangunan dijalankan secara bersama dengan pihak PPK seperti ke atas tanaman buah-buahan seperti betik, belimbing dan lain-lain di Dengkel, Selangor. Pihak MARDI juga sedang menjalankan projek komersil pengeluaran hasil sayur-sayuran dengan PPK di Johor.

Adalah diharapkan banyak lagi projek komersil dapat dilaksanakan secara bersama antara PPK dengan MARDI. Dengan ini penyebaran teknologi MARDI akan lebih bermakna kepada pekebun-pekebun kecil atau kelompok petani.

Cadangan Yang Berhormat Senator mengenai insurans perubatan untuk ahli-ahli PPK akan diambil perhatian dan dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang telah meminta supaya beberapa kemudahan intrastruktur disediakan bagi kawasan Lembah Sungai Rajang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang dua buah projek IADP di Sarawak adalah dalam perlaksanaan iaitu projek Kalaka-Saribas dan Samarahan. Bagi kawasan-kawasan lain apabila pelaksanaan projek-projek ini siap, projek-projek baru akan dikenal pasti yang sesuai dibangunkan sebagai IADP dan ditimbang oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kepada Kementerian Pertanian.

Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, Kementerian Pertanian akan mengkaji dan mengambil tindakan sewajarnya pada masa akan datang.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAH PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga setelah selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan selepas daripada **itu**, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga hari Isnin, 27hb Disember, 1993.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga setelah selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan selepas daripada **itu**, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga hari Isnin 27hb Disember 1993.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga setelah selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan selepas daripada **itu**, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga hari Isnin, 27hb Disember, 1993,

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk memberikan jawapan. Dipersilakan.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mohd. Zain bin Haji Mat Daud dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan dan mencadangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' minta tunggu sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat Dewan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat. Dijemput.

[Tuan Hanipah bin Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mohd. Zain membangkitkan berkenaan dengan elaun sewa rumah yang menurut Yang Berhormat adalah terlalu rendah dan tidak bersesuaian dengan kawasan bandar yang mana sewa rumah adalah lebih tinggi daripada elaun-elaun yang telah diberikan.

Kerajaan menyedari perkara ini dan memang bersetuju bahawa kadar elaun yang kita berikan kepada anggota tentera kita, terutamanya yang berpangkat rendah, adalah jauh lebih rendah daripada kadar-kadar sewa terutamanya bagi kawasan bandar. Oleh itu, Kerajaan sedang mengambil tindakan, mengkaji dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kerajaan juga, khususnya Kementerian Pertahanan, sedang berusaha sedaya upaya untuk menyediakan rumah keluarga bagi anggota tentera kita untuk mengatasi masalah ini. Kementerian sedang membina hampir 60% daripada keperluan rumah keluarga ini - sehingga setakat ini. Dan kita bercadang untuk seterusnya menyiapkan pembinaan baki keperluan itu dalam Rancangan, Malaysia Keenam dan juga Rancangan Malaysia Ketujuh. Keseluruhan keperluan adalah dianggarkan lebih kurang 75,000 unit rumah keluarga Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara jurutera-jurutera profesional dalam Angkatan Tentera Malaysia yang mana menurut Yang Berhormat, gaji dan elaun yang dibayar adalah terlalu rendah berbanding dengan pihak sektor awam.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan di sini bahawa jurutera-jurutera kita dalam Angkatan Tentera telah dibayar gaji lebih tinggi daripada jurutera awam di sektor awam. Contohnya, gaji permulaan bagi Pegawai Jurutera ATM adalah seperti berikut:

Berpangkat Captain:

RM1,357 - RM3,209 sebulan.

Berpangkat Major:

RM3,039 - RM3,784 sebulan.

Manakala gaji permulaan bagi Pegawai Tentera biasa adalah seperti di bawah:

Berpangkat Captain:

RM1,260 - RM2,671 sebulan

Berpangkat Major:

RM1,920 - RM2,916 sebulan

Gaji yang diberikan kepada Jurutera Angkatan Tentera Malaysia adalah kadar yang tinggi berbanding dengan Pegawai Angkatan Tentera Malaysia dalam peringkat yang sama. Kadar ini telah dikaji dan telah dilaksanakan dalam skim SSB pada 1hb Januari 1992. Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar gaji ini yang sedang berkuat-kuasa pada masa ini.

Berkenaan dengan depot-depot tentera, telah pun dilengkapkan dengan komputer. Kelengkapan sepenuhnya akan diperolehi apabila peruntukan kewangan mengizinkan. Projek untuk melengkapkan semua depot-depot tentera dengan komputer telah diluluskan. Komputer kepada depot-depot berkenaan akan diberikan peringkat demi peringkat. Sebagai contoh, Depot 72 Kumpulan Odnan di Taiping dan 6 Kumpulan Odnan di Sungai Petani telah dijadikan "pilot project" Komputer. Bekalan komputer PC, boleh dikatakan sebahagian besar depot-depot telah pun dilengkapkan.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya pemberian tanah kepada bekas-bekas perajurit. Sukacita dimaklumkan, urusan tanah ataupun cadangan untuk memberikan tanah kepada bekas-perajurit ini adalah dalam bidang-kuasa Kerajaan Negeri. Kementerian Pertahanan mengalu-alukan langkah Kerajaan Negeri untuk memberikan tanah kepada bekas-bekas perajurit.

Dan perkara **ini**, memang telah menjadi amalan serta telah dijalankan oleh beberapa buah negeri dan kita sentiasa menyokong untuk bekas-bekas perajurit kita ini dikurniakan, sama ada tapak rumah ataupun tapak pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz telah membangkitkan berkenaan dengan pembelian pesawat-pesawat pejuang, yang mana Yang Berhormat juga memberi pandangan supaya kita memberikan keutamaan kepada pembelian kapal-kapal laut bagi menjaga kepentingan perairan negara daripada pencerobohan musuh-musuh negara dan juga untuk membanteras pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan pada Dewan ini dan juga pada Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembelian pesawat-pesawat seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan, iaitu pesawat pejuang MiG-29, pesawat Hawk dan pesawat F-18A adalah mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Misalnya bagi MiG-29, adalah untuk pertahanan udara strategik, iaitu bagi 'air superiority'. Pembelian ini adalah untuk menggantikan Pesawat F-5E yang dikira sebagai telah 'out-of-date', dengan izin, yang digunakan sekarang di mana pesawat itu hanya mempunyai keupayaan pertahanan yang sangat terhad. Pesawat Hawk adalah berperanan untuk membuat serangan iringan dari udara ke bumi. Pembelian pesawat ini adalah untuk menggantikan pesawat Skyhawk, manakala Pesawat F-18A adalah bertujuan bagi serangan strategik, ataupun dengan izin, 'interdiction deep strike', dan untuk serangan di kawasan maritim.

Dengan pembelian pesawat-pesawat berkenaan, kemampuan untuk mempertahankan ruang udara kita adalah lebih besar dan berkesan dan boleh membantu elemen-elemen. Angkatan Tentera Malaysia lain, termasuk Tentera Darat dan juga Tentera Laut. Konsep pertahanan negara adalah lebih mementingkan pertahanan kawasan-kawasan

strategik. Bagi mempertahankan-pertahanan perairan negara, Kerajaan sudah mempunyai program-program jangka panjang dan juga jangka pendek, iaitu seperti pembelian kapal-kapal OPV bagi menggantikan kapal-kapal perang kita, dan juga jika diizinkan, peruntukan pada masa hadapan, mungkin kita akan membeli kapal-kapal selam. Ini juga penting untuk menjaga perairan negara kita.

Berkenaan dengan membanteras kemasukan pendatang tanpa izin, pada masa ini Kerajaan juga dapat mengawal, dan keadaan adalah agak terkawal. Walau bagaimanapun, kita mengakui kesukaran untuk mengawal sepenuhnya kerana kedudukan perairan kita yang luas serta pantai kita yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini kelengkapan kapal-kapal laut kita adalah mencukupi untuk menangani masalah pencerobohan perairan negara. Namun, demikian, Kerajaan akan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa keperluan pertahanan kita. Pembelian-pembelian serta melengkapkan Angkatan Tentera kita adalah proses yang berterusan mengikut keadaan dan keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada kali ini. Sekian.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Sekarang dijemput wakil daripada Kementerian Kesihatan.

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sangat-sangat berterima kasih dan mengalu-alukan pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 1994 bagi Kementerian Kesihatan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan K. Munisamy telah membuat cadangan supaya Kementerian Kesihatan mempertingkatkan tindakan-tindakan pengawalan AIDS menerusi aktiviti-aktiviti pendidikan. Ahli Yang Berhormat tersebut juga turut menyarankan supaya Kementerian Kesihatan mengadakan peraturan pemeriksaan dan menguatkuasakan syarat "bebas dari AIDS" ke atas bakal-bakal pengantin yang akan berkahwin di negara ini sepertimana yang diamalkan di negara Jerman.

Sukacita saya memakluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kesihatan sememangnya telah menjadikan aktiviti pendidikan sebagai strategi utama bagi membendung merebaknya penyakit AIDS di kalangan rakyat di negara ini, memandangkan tiada cara lain yang lebih berkesan daripada pendekatan tersebut, kerana setakat ini tiada vaksin yang boleh digunakan untuk mencegah dan mengubati penyakit AIDS. Sehubungan dengan itu, sehingga ke hari ini sebanyak 691,000 poster, 5.8 juta naskhah risalah, 1.45 juta naskhah buku kecil, 5 treler satu minit, 7 video clip dan 4 video dokumentari telah diedarkan ataupun ditayangkan kepada orang ramai bagi tujuan memberikan kesedaran kepada mereka tentang bahaya AIDS dan perlunya mereka mengamalkan cara hidup yang sihat bagi mencegah AIDS.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah membina 60 buah 'billboard', 90 buah bas panel, 6 buah penutup teksi dan 3,500 penghalang cahaya matahari yang kesemuanya ini bertujuan untuk mendidik rakyat Malaysia supaya menjauhi dan mencegah penyakit AIDS. Bagi meningkatkan kekesan aktiviti-aktiviti kesihatan ini, Kementerian Kesihatan, agensi-agensi Kerajaan yang lain, pihak-pihak

swasta dan pertubuhan-pertubuhan ~~hkn~~ Kerajaan telah bekerjasama mengadakan ceramah-ceramah kepada orang ramai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya disyaratkan semua bakal pengantin di negara ini menjalani pemeriksaan dan disahkan bebas daripada AIDS sebagai syarat untuk berkahwin, adalah merupakan cadangan yang baik bagi mencegah penyakit AIDS. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi yang lain seperti Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri akan memberi perhatian kepada cadangan ini. Sungguhpun begitu, sebagai langkah sementara, Kementerian Kesihatan telah mengadakan kempen-kempen bagi menasihati golongan-golongan tertentu yang berisiko tinggi sebagai pembawa HIV menjalani ujian secara sulit dan sukarela. Oleh **itu**, pasangan-pasangan yang akan berkahwin di negara ini boleh mengambil kesempatan daripada program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan tersebut untuk menjalani ujian HIV secara sukarela dan sulit, sebelum mereka melangsungkan perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah mencadangkan supaya hospital-hospital Kerajaan di negara ini diswastakan, dan menggesa rakyat supaya mencarum kepada skim pembiayaan bagi perbelanjaan rawatan mereka. Kementerian Kesihatan sememangnya telah menswastakan beberapa perkhidmatan sokongan di hospital-hospital seperti perkhidmatan-perkhidmatan kejuruteraan, bekalan ~~an~~ dan bekalan ubat. Walau bagaimanapun, cadangan untuk menswastakan keseluruhan perkhidmatan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan di hospital-hospital dan keperluan rakyat ~~men~~ncarurn dalam skim pembiayaan

perbelanjaan untuk mendapat perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, masih memerlukan kajian yang mendalam lagi terperinci dengan mengambil kira taraf sosio-ekonomi rakyat di negara ini. Sesungguhnya perkara yang berbangkit tersebut ada terkandung di dalam, dengan izin, 'Privatisation Master Plan' yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Limun Laikim telah mencadangkan supaya peruntukan pembangunan kesihatan sebanyak RM330 juta turut diagihkan kepada negeri Sabah bagi tujuan pembinaan hospital-hospital yang telah usang di daerah-daerah pedalaman. Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Persekutuan tidaklah sekali-kali mengabaikan kepentingan rakyat di negara **ini**, termasuklah rakyat di negeri Sabah. Kementerian Kesihatan juga telah memperuntukkan sejumlah RM140.837 juta kepada negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi tujuan pembinaan hospital-hospital baru, penggantian hospita-hospital lama dan menaikkan taraf beberapa buah hospital di negeri berkenaan. Manakala bagi tahun 1994 sahaja, Kementerian Kesihatan telah memutuskan untuk mengagihkan sejumlah RM21.385 juta untuk pembinaan dan pembaikan hospital-hospital di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

6.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Baman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan Anggaran Belanjawan, 1994.

Ahli Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong telah meminta Kementerian mengambil perhatian atas sesetengah hotel di Langkawi yang telah mengambil kesempatan menaikkan sewa hotel mereka semasa sesuatu acara diadakan di sana. Kementerian dalam hal ini memang sedar dan mengambil perhatian tentang kenaikan sewa bilik botel di Langkawi baru-baru ini yang telah pun disiarkan, termasuk dalam beberapa buah akhbar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan berjumpa dengan pihak-pihak pengusaha hotel dan agensi-agensi pelancongan dan pengembaraan pada 28hb Disember, 1993 yang akan datang ini, khususnya untuk berbincang tentang penentuan barga produk pelancongan dan perkhidmatan.

Di samping itu, sebagai makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai di Kementerian saya juga sentiasa mengadakan perjumpaan di samping mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha hotel dari semasa ke semasa, tentang harga sewa hotel dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang ditawarkan di botel-hotel tertentu.

Yang Berhormat Senator Hajah Rahmah binti Saleh pula telah mengemukakan cadangan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan lebih cenderung mempromosikan lawatan bercorak keilmuan. Kementerian memang menggalakkan pemasaran dan promosi pelancongan. yang bercorak keilmuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai pakej-pakej pelancongan adalah ditujukan kepada 'special interest group' yang biasanya berminat untuk belajar sesuatu semasa lawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Abdul Rashid bin Ismail telah menyarankan supaya Kementerian mengadakan garis panduan bagi para pelancong supaya dapat berpakaian secara sopan dan berkelakuan tertib. Beliau juga telah menyarankan supaya membuat sedikit tapisan kepada beberapa golongan yang membawa nilai-nilai negatif. Ini akan dapat menghindarkan rakyat negara ini dari terpengaruh dengan nilai-nilai negatif itu. Mengenai saranan supaya diadakan garis panduan berpakaian kepada para pelancong, Kementerian berpendapat ianya tidaklah perlu diadakan secara khusus pada ketika ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan dan Ahli Yang Berhormat, mengenai perkara tersebut, Kementerian ada menyelitkan di dalam 'brochure-brochure' mengenai negara kita yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Disamping itu, semasa rombongan galakan pelancongan yang diadakan oleh Kementerian di luar negeri, kita juga menerangkan tentang kebudayaan dan cara hidup rakyat di negara ini. Kementerian tidak lab begitu jelas, apa yang sebenarnya yang dimaksudkan dengan nilai-nilai negatif yang dikhuatiri akan mempengaruhi rakyat negara ini.

Suka dijelaskan, di dalam menggalak dan memperkembangkan industri pelancongan di negara kita, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebenarnya menonjolkan **ciri-ciri** kehidupan kebudayaan masyarakat berbagai kaum yang mana sebahagian besarnya adalah berteraskan kepada **nilai-nilai** Islam. Selain daripada itu kita juga menonjolkan aspek dan kesan-kesan sejarah, produk-produk pelancongan bercorak 'eco dan agro-tourism' di dalam industri pelancongan negara kita. Melalui penekanan kepada aspek-aspek tersebut, kita berharap akan dapat mengelakkan rakyat daripada terpengaruh dengan **nilai-nilai** negatif, jika ada.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada Kementerian **ini**, sama ada secara langsung mahu pun secara tidak langsung. Semua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang sewajarnya bila merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian **ini**.

Sekian, terima kasih.

Tuan Banipah bin Ahmad: Dijemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

bangun mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Belanjawan 1994 yang ada hubungkaitnya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara perancangan bandar menyatakan perlunya perancangan bandar yang teliti untuk kelulusan projek perumahan demi mengawal kesesakan lalu-lintas dan menentukan cukupnya infrastruktur perbandaran. Ada yang bimbang kurang penyelarasan antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan Pihak Perancang Bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negara kita peranan perancang bandar dipertanggungjawabkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sendiri. Maka tidak timbul masalah tiada penyelarasan. Di mana perlu, Pihak Berkuasa Tempatan dibantu oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Isu letaknya projek perumahan, sistem lalu-lintas dan lain-lain infrastruktur perbandaran adalah digarispandukan dalam pelan struktur dan pelan tempatan yang dihasilkan oleh usaha Perancang Bandar. Ini akan membantu menentukan pembangunan bandar dilaksanakan dengan baik. Banyak Pihak Berkuasa Tempatan sudah pun ada plan strukturnya dan menjelang akhir Rancangan Malaysia Keenam ini, hampir kesemua Pihak Berkuasa Tempatan akan mempunyai pelan struktur.

Ada pula Ahli Yang Berhormat yang meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengetatkan lagi peraturan pembinaan projek perumahan untuk mengelak berlaku lagi keruntuhan bangunan seperti

kondominium di Hulu Kelang. Sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, suatu Jawatankuasa Khas Kabinet telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menangani perkara ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganggotai Jawatankuasa ini dan sedang giat membuat berbagai pertimbangan.

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan kurang puas hati dengan tahap pencapaian pembinaan rumah kos rendah. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat mungkin sedar selama ini Kerajaan meletakkan peranan terbesar kepada pihak swasta untuk membina rumah termasuk rumah kos rendah. Prestasi pihak swasta dari segi rumah kos rendah adalah kurang memuaskan. Oleh itu, sebagaimana Dewan ini telah diberitahu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan pakej khas mengenai perumahan kos rendah yang termasuk kemudahan pinjaman istimewa yang menggalakkan pihak swasta membina rumah kos rendah.

Kerajaan Persekutuan juga telah lama menyediakan pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk membina rumah kos rendah, tetapi keputusan sama ada hendak mengambil pinjaman ini, tergantung kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak boleh memaksa mereka. Sebagai alternatif, Kerajaan Persekutuan sedang berikhtiar supaya agensi Kerajaan Persekutuan sendiri melaksanakan projek perumahan kos rendah ini.

Mengenai perumahan kos rendah, ada Ahli Dewan yang mulia ini yang menyarankan supaya rumah yang dibina mempunyai sekurang-kurangnya 3 bilik. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menggalakkan pemaju swasta membuat rumah yang mengandungi 3 bilik. Suka saya menerangkan bahawa rumah kos rendah yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, memang mempunyai 3 bilik.

Ada Ahli Yang "Berhormat yang mencadangkan langkah diambil bagi membanteras orang mengambil peluang menjual semula rumah ramah yang mereka perolehi. Buat masa ini, penjualan rumah bukannya di bawah bidang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri mengambil berat perkara ini dan senantiasa berikhtiar dengan pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri mengawal penjualan rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam.

Ada Ahli Yang Berhormat dari Sabah yang menyentuh mengenai projek perumahan terbengkalai di Sabah. Untuk makluman Dewan ini, Akta Pemaju Perumahan yang ditadbir oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dipakai di Sabah. Kerajaan Negeri Sabah mempunyai peraturannya sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada memberi nasihat kepada agensi berkenaan di Sabah, apa yang sepatutnya dibuat.

Akhirnya, ada Ahli Yang Berhormat mengesyorkan kilang-kilang haram ditempatkan semula di zon-zon yang ditetapkan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah pun lama menyampaikan keputusan seperti ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri. Ingin saya menjelaskan bahawa zon-zon industri biasanya diwujudkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Penyediaan pelan struktur yang saya sebutkan awal-awal tadi akan membantu mereka merancang letaknya zon-zon industri yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Kementerian Belia dan Sukan.

6.32 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri Tan Sri Aziz yang menyentuh tentang persediaan **atlit** untuk Sukan Komanwel semasa membahaskan Rang Undang-undang ini.

Suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan memang memberi perhatian utama kepada perkara ini. Sebuah Jawatankuasa Penyediaan Atlit yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah diwujudkan khusus untuk tujuan ini. Jawatankuasa ini diletakkan di bawah Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antara program yang telah disusun berhubung dengan penyediaan **atlit** termasuklah:-

- (i) Melantik pengurus projek;
- (ii) kem latihan Sukan Komanwel;
- (iii) mengenal pasti acara dan sasaran pingat;
- (iv) jurulatih asing dan tempatan;
- (v) kemudahan latihan, alatan, pusat atau tempat latihan;
- (vi) mengenalpasti **atlit** dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan;
- (vii) khidmat sokongan sains sukan;

(viii) Jawatankuasa Petugas; dan

(ix) model sistem latihan negara maju dalam sukan.

Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan bahawa usaha mencungkil bakat dan melatih bakat-bakat yang dikenal pasti dilakukan dengan sistematik dan menyeluruh. Untuk tujuan ini, kerjasama Majlis Sukan Sekolah-sekolah dan persatuan sukan akan digembleng sepenuhnya untuk memastikan prestasi sukan dapat dipertingkatkan untuk Sukan Komanwel dan tahun-tahun seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan menegaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan akan memberi perhatian serius kepada cadangan-cadangan yang diutarakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1994, khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan terhadap perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah Salleh telah menyentuh tentang penggunaan tenaga nuklear yang menurut beliau perlulah diterokai dengan lebih mendalam kerana ia merupakan sumber tenaga yang berefisien tinggi dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah memberi penjelasan tentang dasar Kerajaan mengenai bidang ini dan saya hanya hendak sebut peranan Unit Tenaga Nuklear yang di bawah jagaan Kementerian saya. Tumpuan yang diberikan oleh UTN pada ketika ini ialah bagi membangunkan dan menggalakkan penggunaan teknologi nuklear bagi membantu perkembangan sosio-ekonomi negara terutamanya di bidang-bidang perindustrian, pertanian dan perubatan. Dalam membangunkan teknologi tersebut, aspek-aspek keselamatan sinaran kepada pekerja dan persekitaran sentiasa diberikan penekanan dan keutamaannya. Dalam hal ini juga, Lembaga Pelesenan dan Tenaga Atom (LPTA) telah pun diberi tanggungjawab sepenuhnya bagi mengawasi dan mengawal penggunaan tenaga atom di negara ini.

Ahli Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail telah membangkitkan isu pembangunan padang-padang golf di negara ini. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya dikenakan syarat-syarat yang lebih ketat bagi menghadkan bilangan padang golf di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam jawapan saya kepada pertanyaan Jawab Mulut Yang Berhormat berkenaan pada 22hb Disember, sukacita sekali lagi saya menjelaskan bahawa pembangunan padang golf

memang boleh menimbulkan kesan kepada alam sekitar sekiranya langkah-langkah tebatan dan kawalan pencemaran tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kepada pembinaan padang golf yang tertakluk kepada Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan memerlukan laporan EIA, Jabatan Alam Sekitar mengenakan syarat-syarat yang ketat supaya kesan negatif kepada alam sekitar dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang mesti dijalankan oleh pemaju padang golf ialah:-

- (a) pembersihan tumbuh-tumbuhan dan kerja-kerja tanah dihadkan di kawasan-kawasan tapak pembinaan sahaja;
- (b) semua kawasan lapang yang telah disediakan dan tidak akan dibangunkan hendaklah dilindungi dan ditanami rumput dan tanaman tutup bumi dengan serta merta;
- (c) penggunaan bahan-bahan racun makhluk perosak mestilah mengikut ketetapan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan sebarang peraturan-peraturan di bawahnya dan mengikut had sukatan dan cara yang ditetapkan oleh pengilang;
- (d) seboleh-bolehnya hanya baja yang bersifat pelepasan secara perlahan atau 'slow levees' sahaja digunakan di padang golf; dan
- (e) kolam perangkan mendap atau perangkap mendap dan sistem perparitan untuk menyalurkan air larian permukaan atau "surface run-off" hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

Berkenaan dengan cadangan untuk menghadkan bilangan padang golf di Malaysia, sukacita saya menjelaskan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa untuk membuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan cadangan di dalam perbahasan mengenai program dan aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jika terdapat mana-mana perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat disentuh dalam jawapan **ini**, maka semua perkara itu adalah diberi perhatian dengan sewajarnya oleh pegawai-pegawai dalam Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Kementerian Pengangkutan.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan semasa perbahasan atas Dasar-dasar Am Belanjawan 1994.

Sukacitalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan dan syor-syor yang diberikan akan diambil maklum dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun; saya ingin memberikan sedikit penjelasan berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Hajah Rahaiah binti Baheran, pada 20hb Disember, 1993 telah menyentuh mengenai pemandangan sepanjang laluan kereta api yang tidak begitu menyenangkan di mana terdapat rumah-rumah setinggan dan kawasan hutan belukar. Beliau mencadangkan supaya KTMB raengeluarkan peruntukan untuk mencantikkan pemandangan laluan keretapi dengan menanam pokok-pokok yang boleh mendatangkan hasil kepada KTMB apabila pokok-pokok itu dewasa termasuk boleh ditebang untuk dijual.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan beliau itu dan sememang hasrat KTMB seboleh mungkin untuk menanam pokok-pokok di sekitar kawasan landasan kereta api supaya kelihatan cantik di samping dapat mengelakkan pencerobohan di landasan yang boleh membahayakan mereka yang menggunakan kawasan landasan sebagai tempat melintas. Walau bagaimanapun, perlu kita ingat bahawa landasan kereta api di bawah pengawasan KTMB adalah sepanjang laluan 2,222 kilometer dan memerlukan belanja yang banyak jika sekiranya sepanjang landasan tersebut ingin ditanam dengan pokok-pokok. Saya mengambil maklum cadangan-cadangan baik yang diberikan oleh Yang Berhormat dan akan meminta KTMB untuk mencantikkan pemandangan di sekitar laluan kereta api dengan tanaman pokok setakat yang termungkin.

Mengenai cadangan menanam pokok yang boleh mendatangkan hasil kepada KTMB apabila pokok itu dewasa, ianya juga akan dipertimbangkan. Cuma yang perlu kita beri perhatian sekiranya ditanam di laluan landasan keretapi terlalu banyak pokok-pokok yang mendatangkan hasil seperti pokok buah-buahan dan lain-lain, ianya boleh menggalakkan pencerobohan dan membahayakan mereka yang menggunakan kawasan landasan kereta api untuk melintas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Munisamy telah membangkitkan masalah kesesakan lalulintas yang meruncing. Beliau meminta supaya pihak berkuasa mengkaji dengan teliti cadangan pembangunan bandar supaya bilangan penduduk dan

jumlah kenderaan dapat diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur bandar-bandar. Saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat lain yang menyentuh perkara yang sama. Pihak Kementerian, sebagai salah satu dari usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur telah memperkenalkan "Kempen Berkongsi Kereta". Saya rasa perkara ini tidak perlu saya perjelaskan dengan lebih detail lagi kerana telahpun beberapa kali dijawab perkara yang sama di dalam Dewan yang mulia ini atas pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berhubung kawalan bilangan kenderaan, ingin saya memaklumkan, perkara ini sentiasa dikaji dan diawasi oleh Kementerian Pengangkutan. Saya menjangkakan dengan Kempen Berkongsi Kereta, sekiranya bersama-sama kita menyokong dan melibatkan diri, insya Allah, masalah kesesakan lalu-lintas di bandar-bandar utama akan dapat kita atasi, kalau pun tidak sepenuhnya, sebahagian daripadanya..

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan di mana yang boleh sentiasa bersedia untuk memberi bantuan bagi menggalakkan penggunaan kenderaan secara yang lebih teratur dan dapat mengelakkan kesesakan lalu-lintas, Walau bagaimanapun, saya rasa perlu juga diingatkan bahawa kadangkala ada faktor-faktor yang di luar kawalan kita yang menyebabkan terjadinya kesesakan lalu-lintas. Sebagai contoh apabila berlakunya banjir kilat dan juga tanah runtuh, kesesakan lalu-lintas akan terjadi. Ianya tidak dapat dikawal oleh kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri, pada 22hb Disember, 1993 membangkitkan berhubung dengan perlunya disegerakan projek pengangkutan awam seperti LRT dan keretapi laju bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya terutamanya dalam kawasan bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa projek pengangkutan Light Rail Transit (LRT), dengan izin, dan keretapi eletrik akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Uji kaji tanah telah dimulakan pada bulan Ogos yang lalu bagi sepanjang laluan dan dijangka selesai pada bulan Disember, 1993. Dalam masa yang sama, reka bentuk terperinci bagi setesen dan kerja tanah sedang dijalankan. Manakala kerja-kerja reka bentuk koordinasi elemen-elemen mekanikal dan elektrik bagi light rail vehicles telah pun selesai. Sementara itu, reka bentuk sistem isyarat sedang dalam proses.

Untuk peringkat permulaan, panjang laluan ialah lebih kurang 12 kilometer, iaitu 9 kilometer di atas tanah, at grid dengan izin, dan 2.5 kilometer di atas tiang (elevated) - relnya di atas. Projek ini bermula dari Pekan Ampang melalui Pandan Indah, Maluri, Pudu dan terus ke Jalan Sultan Ismail berhampiran dengan bangunan. Sime Darby. Laluan trek LRT ini adalah melalui indepeodent corridor, dengan izin, iaitu trek ini tidak melibatkan gangguan jalan raya dan jalan keretapi yang lain. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, masa perjalanan dari hujung ke hujung termasuk berhenti ialah kira-kira 23 minit sahaja bagi 12 kilometer itu. Pada peringkat awal LRT ini berkemampuan mengangkut 16,000 orang penumpang sejam/sehala dan akan meningkat kepada 36,000 orang. penumpang sejam/sehala. Projek ini dijangka siap pada tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkhidmatan Keretapi Komuter Berelektrik di bawah Projek Landasan Berkembar, ianya dijangka bermula pada tahun 1994 bagi sektor Sentul-Kuala Lumpur-Shah Alam. Manakala bagi sektor-sektor lain, ianya sedang dalam pembinaan. Adalah dijangka Projek Landasan Berkembar akan dapat disiapkan secara keseluruhannya pada Ogos, 1995.

Di bawah projek ini sejumlah 16 buah setesen baru telah dirancang di mana 10 buah daripadanya telah pun siap dibina. Di samping itu, perhentian baru yang dirancang adalah sebanyak 17 buah dan 6 buah daripadanya telah pun siap dibina dan 11 buah lagi masih dalam pembinaan.

Bangunan stesen yang dibina adalah lebih besar dan tertutup berbanding dengan bangunan perhentian yang lebih kecil dan terbuka. Kemudahan membeli tiket melalui mesin iaitu vending machine dengan izin, akan disediakan di perhentian. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi setiap stesen sejumlah 50 tempat letak kereta akan disediakan untuk kemudahan pengguna-pengguna keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam juga Yang Berhormat Senator John B.O.T. Ghani telah membangkitkan perkara jalan-jalan raya Persekutuan di Sabah tidak lagi selamat untuk digunakan dan kerap kali mengalami kerosakan disebabkan oleh lori-lori, terutamanya lori balak yang membawa muatan yang berlebihan menggunakan jalan tersebut. Beliau meminta Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan tegas ke atas perkara ini.

Berhubung dengan perkara ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat termasuk juga lain-lain Ahli Yang Berhormat dari Sabah, bahawa pihak Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah kenderaan membawa muatan berlebihan di Sabah.

Sebanyak tiga stesen timbang telah pun dibina di Sabah dan jawatan Pegawai Penguatkuasa untuk mengendali stesen timbang ini telahpun diluluskan dan saya dimaklumkan Jabatan Pengangkutan Jalan sedang dalam proses menguruskan penempatan Pegawai-pegawai Penguatkuasa JPJ di Sabah. Di samping itu, JPJ juga telah pun memulakan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan di Sabah yang sebelum ini dikendalikan keseluruhannya oleh pihak Polis. Diharapkan dengan adanya penguatkuasaan bersama di antara JPJ dan Polis, masalah kerosakan jalan raya di Sabah disebabkan oleh kenderaan yang membawa muatan berlebihan akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya perjelaskan di Dewan yang mulia ini dan saya berjanji apa-apa yang tidak saya jawab di sini, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Tiada. Dijemput Kementerian Kewangan.

6.39ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Belanjawan khususnya Ahli Yang Berhormat memuji langkah-langkah yang diambil dalam Belanjawan 1994 bagi memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Izinkan saya menjawab beberapa persoalan penting yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari membangkitkan dua perkara berkaitan Kementerian Kewangan Pertamanya, peruntukan saham yang besar disarankan diberikan kepada Persatuan Bekas Perajurit. Dalam hal ini, ingin dimaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperuntukkan sebahagian besar saham-saham yang baru yang dikeluarkan kepada PNB, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Koperasi Polis serta koperasi-koperasi lain. Ini adalah kerana agensi tersebut mempunyai bilangan ahli yang ramai dan dengan itu peruntukan saham yang diberikan akan dapat memanfaatkan sebilangan besar kaum bumiputera. Walau bagaimanapun, permohonan Persatuan Bekas Perajurit akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari mencadangkan agar bekas tentera diberikan pinjaman di bawah ASB/PPRT. Dalam hubungan **ini**, ingin dimaklumkan bahawa mengikut dasar Kerajaan pada hari ini mereka yang layak menerima pinjaman di bawah skim ASB/PPRT adalah golongan yang **terdiri** daripada golongan termiskin dalam negara dan sekiranya ada di kalangan bekas tentera yang tergolong dalam golongan tersebut, mereka bolehlah memohon pinjaman di bawah skim ASB/PPRT.

Yang kedua, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran berkaitan dengan Bank Koperasi Nasional. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, cadangan ini dikemukakan oleh Yang Mulia Professor Ungku Aziz pada tahun 1992 dan buat masa ini Kerajaan masih lagi menimbang cadangan yang dikemukakan oleh Professor Ungku Aziz untuk menubuhkan sebuah Bank Koperasi Nasional bagi membolehkan kesemua koperasi dalam negara menyimpan wang dalam bank tersebut dan juga memperolehi kemudahan pinjaman.

Seterusnya, Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon, Yang Berhormat Tuan Limun Laikim dan Yang Berhormat Tuan Neo Tuan Cheng membangkitkan tentang inflasi. Memang Kerajaan memberi perhatian yang serius kepada usaha-usaha untuk membendung inflasi dalam negara dan tindakan telah diambil untuk mengetatkan dasar kewangan, langkah jimat-cermat terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Ini semua dalam usaha untuk memastikan bahawa kadar inflasi dapat dibendung. Juga,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna sentiasa mengawasi kedudukan harga, khususnya berkaitan dengan harga-harga yang mana duti importnya diturunkan semasa Belanjawan baru-baru **ini**. Sepertimana kita sedia maklum, kadar inflasi pada 10 bulan pertama tahun ini hanya 3.7% berbanding dengan 4.7% pada masa yang sama tahun lepas, ini bermakna keadaan inflasi adalah terkawal. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk membendung inflasi agar rakyat akan mendapat faedah sewajarnya daripada pembangunan ekonomi yang sedang pesat berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Shahiruddin bin Ab.Moin membangkitkan dua perkara berkaitan Kementerian Kewangan. Yang pertama, beliau mencadangkan agar syarikat-syarikat insuran kecil dicantumkan menjadi syarikat-syarikat insuran yang lebih besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 58 buah syarikat insuran dalam negara dan ada di antara syarikat-syarikat tersebut yang kecil. Dalam hubungan **ini**, Kerajaan mengalu-alukan syarikat-syarikat insuran jika mereka bercadang untuk bergabung antara satu sama lain. Dalam pada **itu**, kita tidak berhasrat untuk menggunakan tindakan undang-undang bagi memaksa mereka untuk bergabung. Terserahlah kepada syarikat-syarikat insuran berkenaan untuk mengambil keputusan sama ada hendak bergabung ataupun tidak.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Shahiruddin Ab. Moin membangkitkan tentang 'Eastern Corridor' khusus berkaitan dengan insentif cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 1994. Dalam hubungan

ini, Kerajaan ingin memaklumkan bahawa seluruh negeri Kelantan dan seluruh negeri Terengganu adalah diisytiharkan layak untuk menikmati galakan cukai di bawah 'Eastern Corridor'. Mengenai kawasan Barat negeri Pahang, Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan berunding dengan Kerajaan Negeri Pahang bagi menentukan kawasan-kawasan negeri Pahang yang layak menerima galakan di bawah insentif 'Eastern Corridor' **ini**.

Seterusnya, Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman seperti biasa membangkitkan persoalan-persoalan berkaitan Kelantan. Beliau, antara lain, mendakwa bahawa Kerajaan Pusat tidak adil dalam mengeluarkan peruntukan dan juga geran kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam hubungan **ini**, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa sekiranya negeri-negeri lain tahu jumlah sebenar yang Kerajaan Pusat belanjakan di Kelantan dalam bentuk geran, maka negeri-negeri tersebut akan iri hati, kerana jumlahnya tinggi berbanding dengan banyak negeri lain yang menerima geran daripada Kerajaan Pusat. Oleh hal yang demikian, kritikan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Kalthom adalah tidak berasas. Kerajaan Pusat adalah sebuah Kerajaan yang adil dan saksama. Sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, segala apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang perlu kita bayar kepada negeri Kelantan dan juga negeri lain di Malaysia, kita akan tunaikan tanggungjawab tersebut.

Persoalan ini telah juga dijawab oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz di mana beliau mengatakan bahawa sebenarnya Kerajaan Pusat adalah adil dalam mengagihkan peruntukan kepada negeri Kelantan dan juga kepada negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga mencadangkan agar pencarum kepada KWSP dibenarkan menggunakan sebahagian daripada caruman mereka untuk membiayai kos perubatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP masih lagi membuat kajian terperinci berkaitan dengan skim-skim pengeluaran yang baru yang boleh dibuat dan juga membaikkan kepada skim-skim yang sedia ada. Kajian ini masih lagi berjalan. Antara perkara-perkara yang dikaji ialah kemungkinan pencarum mengeluarkan caruman mereka untuk membiayai sebahagian daripada kos perubatan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**] .

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Sekali lagi, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan, khususnya kepada Ahli Yang Berhormat yang menyanjung usaha-usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan untuk memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam konteks harga yang stabil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari Isnin akan datang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.57 petang.

